
HADI FAYYADH

MALAYSIAN BEST SELLER AUTHOR
'SEMUSIM DI BARZAKH' & 'KETIKA AZAZIL BERPUTUS ASA'



CINTA

www.hadifayyadh.com



Menggapai Keajaiban Intuisi Rasa

HADI FAYYADH

SIMBIOSIS CINTA Menggapai keajaiban intuisi rasa



" Manusia mengira dengan cinta ia telah memiliki segalanya, namun cinta itu tidak cukup kalau tidak diisi dengan rasa bahagia"

"Kamu tidak akan cukup kenal orang lain, sehinggalah kamu dapat melihat bagaimana saat dia berdepan dengan kehilangan cintanya"

NUKILAN Cinta,

Hadi Fayyadh

Penaku & Cinta

Sungguh cukup bermakna bagimu seandainya cintamu itu tidak diterjemah ke dalam hati yang pudar dengan makrifat Cinta-NYA.

Jangan gopoh di dalam berselindung mengecapi nikmat cinta sedang kamu masih belum menemui cahaya yang menerangi denai pengembaraan hidupmu menuju negeri-NYA.

" Cinta bukan matlamat dan hakikat. Ia sebuah energi yang menghidupkan hati yang mati dan kering dengan kasih sayang.

Cinta yang ditebar ke segenap penjuru Alam, dibawa oleh MalaikatNYA yang mengingatiNYA, dijawab segala keresahan dan kesedihan yang kian berpanjangan.

Maka, warkah agung Al-Quran berbicara dengan hemah dan lemah lembut, dan tegas dikala menyanjung syariat sebagai penyelamat, kamu dan semua umat"

Jangan tertipu dengan duniamu. Binalah duniamu sendiri, jangan biarkan Iblis, Nafsu dan Syahwat menjadi arkitek yang merekabentuk rumahmu diakhirat, kesan pelaburan kamu di dunia.

Hanya mereka yang menjaga Akhirat, Allah akan memelihara dunianya. Kejarlah cintamu, tetapi cita-citamu itu yang utama.

Terkorban kerana cita-cita adalah sesuatu yang mulia, namun terbunuh di saat mengejar cinta nafsu dunia, ia menjadi ibu segala keburukkan dan kehinaan yang berpanjangan ke akhirat.

"Semoga perjalananmu ke sana tidak tergugah dengan gelombang cinta palsu dan sementara. Disana ada nikmat cinta yang luarbiasa.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Ayuh raihkanya dengan kesabaran, keteguhan

hati, istiqamah, Ilmu dan Iman yang akan menjadi

sampan kecil mengiringmu kesana.

Acapkali ombak ujian memukulmu, ia akan

menjagamu dan sesekali kamu tidak akan karam

kerana penyelamatmu adalah Tuhan empunya

Alam.

Bacalah, dan fahamilah makna yang kucuba

sampaikan. Jangan biarkan hatimu terlalu lama

merindu. Berilah ia ruang dan peluang untuk

merasai sebenar-benar hakikat bahagia itu.

Ihklas dariku.

Hadi Fayyadh.

SIMBIOSIS CINTA Menggapai keajaiban intuisi rasa

Jiwamu pasti terbuai rasa, makanya

bacalah sambil mendengar

Ketika Cinta Bertasbih Instrumental

Muat turun ia di Youtube

Selamat Mengembara Dengan Cinta

Isi Kandungan

SIMBIOSIS CINTA

- 1. Sirah Cinta
- 2. Dimana Cinta
- 3. Harapan Cinta
- 4. Keinginan Cinta
 - 5. Hati & Cinta
- 6. Empunya Cinta
- 7. Jangan Bersedih
 - 8. Syurga Cinta
- 9. Anugerah Cinta

10. Sinopsis Semusim Di Mahsyar

Sirah Cinta

CINTA DAN BUAH EPAL

Menurut sebuah kisah yang mahsyur, ada seorang pemuda yang ingin pergi menuntut ilmu. Ditengah perjalanan dia merasa haus dan singgah sebentar di sungai yang airnya jernih. Dia terus mengambil air dan meminumnya.

Tidak berapa lama kemudian dia melihat ada sebiji buah Epal yang dibawa arus sungai, dia pun mengambilnya dan segera memakannya. Setelah dia makan buah Epal itu dia segera berkata "Astagfirullah"

Dia merasa bersalah kerana telah makan buah Epal milik orang lain tanpa meminta izin terlebih dahulu. "Epal ini pasti punya pemiliknya, lancang sekali aku sudah memakannya. Aku harus menemui pemiliknya dan menebus Epal ini".

Akhirnya dia menunda perjalanannya menuntut ilmu dan pergi menemui sang pemilik Epal dengan menyusuri beberapa sungai untuk sampai kerumah pemilik buah Epal.

Tidak lama kemudian dia sudah sampai ke rumah pemilik buah Epal . Dia melihat kebun dan pohon Epal yang Epalnya tumbuh dengan lebat.

"Assalamualaikum...."

"Waalaikumsalam wr.wb.". Jawab seorang lelaki tua dari dalam rumahnya.

Pemuda itu dipersilakan duduk dan dia pun terus mengatakan segala hajatnya tanpa ada yang ditambahi dan dikurangi bahawa dia telah sengaja memakan buah Epal yang dibawa arus sungai.

"Berapa harus ku tebus harga Epal ini agar kau redha Epal ini aku makan wahai pakcik tua". tanya pemuda itu.

Lalu pakcik tua itu menjawab. "Tidak usah kau bayar Epal itu, tapi kau harus bekerja di kebunku selama 3 tahun tanpa dibayar, apakah kau setuju?"

Pemuda itu nampak berfikir, kerana untuk segigit Epal dia harus membayar dengan bekerja di rumah orang tua itu selama tiga tahun dan itupun tanpa digaji, tapi hanya itu satu-satunya pilihan yang harus diambilnya agar lelaki tua itu redha epalnya dia makan."Baiklah pakcik, saya setuju."

Akhirnya, pemuda itu bekerja di kebun sang pemilik Epal tanpa dibayar. Hari berganti hari, minggu, bulan dan tahun pun berlalu. Tidak terasa sudah tiga tahun dia bekerja dikebun itu.

Pada hari terakhir dia ingin berhenti kepada pemilik kebun. "Pakcik, sekarang waktuku bekerja di tempatmu sudah berakhir, apakah sekarang kau

redha kalau buah Epalmu sudah aku makan?"

Pakcik itu diam sejenak.

"Belum."

Pemuda itu tersentak. "Kenapa pakcik, bukankah aku sudah bekerja selama tiga tahun di kebunmu." "Ya, tapi aku tetap tidak redha jika kau belum melakukan satu permintaanku lagi."

"Apa itu pakcik?"

"Kau harus menikahi puteriku, apakah kau setuju?"

"Ya, aku setuju." Jawab pemuda itu. Pakcik tua itu mengatakan lebih lanjut. "Tapi, puteriku buta, tuli, bisu dan lumpuh, apakah kau masih setuju?"

Pemuda itu nampak berfikir panjang, bagaimana tidak. Dia akan menikahi gadis yang tidak pernah dikenalnya dan gadis itu cacat, dia buta, tuli, dan lumpuh. Bagaimana dia boleh berkomunikasi nantinya?

Akhirnya dia pasrah, mungkin ini ketentuan Allah keatas dirinya.

Dan dia pun menyetujui untuk menikah dengan anak pemilik kebun apel itu untuk mencari redha atas Epal yang sudah dimakannya.

"Baiklah pakcik, aku setuju."

Segera pernikahan pun dilaksanakan.

Setelah ijab kabul sang pemuda itupun masuk kamar pengantin. Dia mengucapkan salam dan betapa terkejutnya dia ketika dia mendengar salamnya dibalas dari dalam kamarnya.

Seketika itupun dia berlari mencari sang ayah pemilik Epal yang sudah menjadi mertuanya. "Ayahanda... Siapakah wanita yang ada didalam kamar pengantinku? Kenapa aku tidak menemukan isteriku?"

Pakcik tua itu tersenyum dan menjawab.
"Masuklah nak, itu kamarmu dan yang di dalam sana adalah isterimu."

Pemuda itu nampak bingung. "Tapi ayahanda, bukankah isteriku buta, tuli tapi kenapa dia boleh mendengar salamku?

Bukankah dia bisu tapi kenapa dia boleh menjawab salamku?" Pakcik tua itu tersenyum lagi dan menjelaskan.

"Ya, memang dia buta, buta dari segala hal yang dilarang Allah. Dia tuli, tuli dari hal-hal yang tidak pantas didengarnya dan dilarang Allah.

Dia memang bisu, bisu dari hal yang sifatnya siasia dan dilarang Allah, dan dia lumpuh, kerana tidak boleh berjalan ke tempat-tempat yang maksiat."

Pemuda itu hanya terdiam dan mengucap lirih: "Subhanallah....." Dan merekapun hidup berbahagia dengan cinta dari Allah.

Dimana Cinta?

Apakah pernah kau membayangkan, perasaan cinta yang selama ini kau idamkan. Dari manakah ianya hadir? Cuba kau sentuh dada di sebelah kiri, kau mampu rasakan ia terletak elok di sebelah jantungmu yang berdegup, ia lahir dari gumpalan darah merah yang pekat, mengalir lalu ia membeku bersama dan membentuk seketul daging yang dipanggil hati.

Hati yang menjadi anugerah Allah SWT kepadamu ini mampu membezakan baik atau buruk, merendahkan atau meninggikan darjatmu dari kalangan manusia yang lain. Tahukah dikau bahawa hati yang berada di dalam relung dirimu itu sungguh berharga, perlu dijaga dan dipelihara kerana ia nanti menjadi pertanggungjawabanmu di hadapan Allah SWT.

Firman Allah SWT: "...Dan adapun orang-orang didalam hati mereka ada penyakit, maka dengan perintah Allah SWT, bertambah kekafiran mereka, disamping kekafirannya yang telah ada, dan mereka mati dalam keadaan kafir.."

(Surah At-Taubah : Ayat 125)

Anugerah hati yang diciptakan Allah SWT ini mempunyai tingkatannya yang tersendiri iaitu :

- HATI YANG BERSIH (Sahih)
- HATI YANG SAKIT (Maridh)
- HATI YANG MATI (Mayyit)

QALBUN SAHIH: HATI BERSIH

1. Hati yang Bersih dan Suci iaitu hati yang benar,

suci dan sihat serta bersih daripada tindakan

melawan dan mempertikaikan perintah serta

tegahan Allah SWT. Ia bebas daripada

menyekutukan dan mensyirikkan Allah SWT

dengan segala sesuatu.

2. Hatinya hanya mengabdikan kepada yang

berhak memilikinya iaitu Allah. Ia tidak akan

pantas untuk terlalu mengejar cinta dunia, namun

tidaklah langsung ditinggalkannya. Apa yang

dilakukannya semata-mata mengharapkan

RedhaNYA.

3. Andai ia merasakan ada kesilapan atau dosa

walaupun sekecil cuma, hatinya akan merasai

resah, sedih dan takut andai dosa itu tidak

diampunkan oleh Allah Azzawajalla.

- 4. Betapa luarbiasa penangan hati yang dimilikinya ini. "Sesungguhnya Solatku, Hidupku dan Matiku hanyalah untuk Allah SWT" Pengabadiannya tidak dipengaruhi oleh ganjaran semata-mata, tetapi meraih cinta Allah yang didambakannya.
- 5. Rasulullah SAW adalah ikon hidupnya, dengan tidak memandang model seperti selebriti, pemuzik, artis atau seumpamanya untuk diteladaninya.
- 6. Orang yang merasakan cinta yang paling atas mengatasi cinta yang lain adalah mencintai Tuhannya. Dia tidak akan kecewa andai cinta selain itu meninggalkannya, bahkan ia tidak akan mengurangkan rasa bahagia yang sedang dikecapinya.
- 7. Cita-cita hidupnya itu dipandu dengan prinsip kecemerlangan. Kisah sirah Nabawiyyah, dan ketokohan pimpinan Islam lampau seperti Salahuddin Al-Ayubbi, Muhammad Al-Fateh,

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Iskandar Dzulkarnain dan tokoh cendekiawan

ulung Islam yang lain.

8. Dia tidak perlu terlalu taksub dengan

kemodenan sistem pendidikan barat yang

membelakangkan agama dan menjulang nilai

sekularisma sehinggakan agama dan sistem hidup

manusia terpisah dan terpecah.

9. Tentunya kamu dan sesiapa sahaja ingin

memiliki hati seperti ini. Persoalannya, bolehkah

atau mampukah kamu mencapainya? Pasti

jawapannya tiada yang mustahil.

QALBUN MARIDH: HATI SAKIT

1. Hati yang sakit dan membarah ialah hati yang

kotor dan bermasalah. Walaupun begitu, ia adalah

hati yang masih mampu memberikan kehidupan

kepada sang pemiliknya.

- 2. Kenapa ia dipanggil hati yang sakit, kerana di dalam hati itu ada pelbagai benih penyakit yang sedang merebak. Perasaan Mazmumah seperti riak, Ujub, Sum"ah, sombong, bongkak, adalah racun yang akan mematikan ruh hati yang sedang sakit ini.
- 3. Walaupun hati ini sedang sakit, ia masih peka untuk mengajak kepada dua perkara iaitu **Pertama**, kembali kepada Allah dan RasulNYA, demi menuju keredhaan dan kebahagiaan hakiki setelah melalui kesengsaraan hidup kesan akibat membelakangkan Tuhan.
- 4. **Kedua**, berterusan dengan kelalaian dan keseronokkan dunia yang bersifat fatamorgana dan menipu ini. Namun, hati yang sedang sakit ini umpama lalang yang ditiup angin, akan mengikut arah mana angin bertiup tanpa mempunyai pendirian yang teguh.

- 5. Ia akan mengikut pengaruh di pihak mana yang paling kuat mempengaruhinya. Sebab itulah, kamu mampu melihat ada dikalangan manusia itu sikapnya berubah-ubah dan tidak konsisten.
- 6. Sebagai contoh, adakalanya dia menjadi seorang yang sangat menjaga Solatnya, suka bersedekah, penyanyang dan soleh, namun terkadang juga dia boleh menjadi seseorang yang selalu meninggalkan Solat, suka bertengkar, dan memencilkan diri dari orang lain.
- 7. Hal ini berlaku kerana dia akan melihat aspek mana yang kuat mempengaruhinya ketika atau pada hari itu. Ia tidak mampu menjadi Istiqamah kepada setiap perlakuan baiknya.
- 8. Inilah hati yang kebanyakkan dimiliki oleh orang awam di luar sana. Mungkinkah kamu juga tergolong di dalamnya, perbaikilah dan suntiklah dengan ruh iman yang mantap supaya ia boleh

sembuh dan segar, agar kembali memberi kehidupan bererti kepada sang pemiliknya.

QALBUN MAYYIT: HATI YANG MATI

- 1. Qalbun Mayyit ini adalah hati yang mati, mati daripada merasai nikmat kehidupan bertuhan.
- 2. Hatinya tidak pernah mahu kenal siapa pencipta sebenarnya, atau sekadar berpura-pura mengenalinya, tanpa ada rasa mahu mendekati dan mencintaiNYA.
- 3. Hati ini telah sekian lama tertewas dengan mainan dan sogokkan nafsunya. Dia hanya hidup semata-mata memenuhi kehendak dan keinginan syahwatnya semata.
- 4. Pertimbangan wahyu melalui Al-Quran, Sunnah dan akal ditolak jauh dalam kehidupannya. Bahkan terkadang, ia merasa sebaliknya, dosa atau maksiat yang ia lakukan itu suatu nikmat kepuasan yang

hanya dikecapi dengan melakukannya secara berterusan tanpa henti.

- 5. Apa yang berlaku sebenarnya bagi mereka yang memiliki hati yang telah mati ini? Hati sebegini menjadikan nafsu sebagai sandarannya. Nafsu adalah segala-galanya.
- 6. Seandainya ia mencintai, maka dasar cintanya itu adalah hanya bertunjangkan keseronokkan berfoya-foya, seksual, dan material semata.
- 7. Segala tujuan hidupnya adalah dengan memberi kepuasan kepada nafsunya.
- 8. Hawa nafsu itu diutamakan dalam setiap perkara melebihi keutamaan kepada mentaati perintah Allah SWT.
- 9. Hati yang mati akan membawa pemiliknya terus berada di dalam kebingungan, kebodohan,

kesengsaraan memikul dosa selagimana ia tidak dihidupkan kembali dengan ruh iman yang hakiki.

- 10. Ia mengundang perasaan kosong dan hidup tidak lagi bererti. Seringkali merasa kesunyian, tidak mampu memberi dengan sepenuh kasih sayang, hati dan jiwanya selalu memberontak.
- 11. Ada sahaja yang tidak kena di matanya, akhirnya menjadikan dia manusia yang serba salah dan tidak tenteram. Ia sentiasa ingin merasai nikmat kehidupan didunia ini berpanjangan, melimpah dan tidak akan pernah kehabisan selamanya.

Harapan Cinta

Sesekali angin berdesir di telingamu, menghembuskan kerinduan yang tidak berbelah bahagi, dirimu termanggu sendirian dengan menyatakan hasratmu yang terpendam sejak sekian lama, kamu seringkali bertanya untuk apa cinta yang dikejar selama ini, berbahagiakah atau sengsarakah aku memilikinya nanti?

Adakah pengembaraan menuju kepada cinta itu akan mengajarku erti segala keperitan hidup yang tidak tertanggung lagi.

Seandainya yang kamu cintai itu adalah seorang lelaki atau wanita, kamu akan selalu membayangkannya seolah-olah dia sentiasa bersamamu, dibibirmu tidak akan puas dan lekang untuk menyebut namanya.

Rindumu akan rasa terubat apabila kamu berbicara mengenainya walaupun bukan dengan dirinya.

Kalau yang dicintai itu adalah Allah SWT, kamu pula tidak akan putus untuk berzikir kepadanya, setiap bualan dan bicara kamu sandarkan kepadanya.

Takdir dan penentuan yang telah ditetapkanNYA kamu anggap sebagai salah satu jalanNYA untuk menguji dan kamu mendekati-NYA.

Ada beberapa perkara yang boleh kamu perhatikan jika cinta yang kamu miliki adalah cinta khayalan antaranya:

- i. Perasaan itu berlaku sepanjang masa dan tanpa mengira masa.
- ii. Tidak pernah memaksa akan kehendak diri yang dicintai.
- iii.Perasaan tidak sanggup merelakan yang dicintai itu hidup menderita.

iv. Rela berkorban apapun demi apa yang dicintai.

v. Ingin penuhi apa sahaja keinginan yang dicintai

vi. Ia selesa dan tenang apabila bersama dengan orang yang dicintainya

Suatu ketika sedang sedang seorang Ulama menyampaikan kuliahnya mengenai Ilmu Al-Quran, seorang pemuda mengemukakan soalan kepadanya iaitu: "Adakah bercinta itu halal atau haram?" Ulama itu agak lama tersenyum lalu kemudian menjawab "Cinta yang halal itu halal dan cinta yang haram itu haram".

HALALKAH BAGIMU MEMILIKINYA SEBELUM AKAD TERLAFAZ?

Jiwa yang bergelora, hati yang sarat dengan cinta manusia, sehingga melupakan cinta yang lebih besar akan menghilangkan arah dimanakah saat pendaratan bahtera hidupnya.

Gelombang samudera yang di laluinya, membuatkannya masih dan terus mencari adakah wujud ruang-ruang yang memerlukan cinta manusia untuk ia bangun dan terus hidup.

Maka disaat itu, cinta yang dibinanya akan berterbangan menjadi puing-puing janji yang hanya tinggal kenangan masa silam.

Mengapa Cinta sebelum nikah ini dilarang untukmu? Perhatikan dan perhalusi setiap punca dan faktor yang menghalangmu iaitu :

Sepi Perindu Dalam Fantasi Cinta

Menyentuh Teori Psikologi daripada Sigmund dan Anna Freud, awal remaja adalah peringkat yang paling bermasalah disebabkan perubahan dramatik psikologi yang berlaku pada masa ini.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Dorongan seksual dan agresif yang bukan sesuai pada peringkatnya, akan menganggu ego dan daya tahannya. Manakala Stanley Hall (1904) berpendapat perkembangan seseorang individu

ditentukan oleh naluri iaitu tenaga-tenaga biologi

dan faktor genetik dan bukannya persekitaran.

Beliau mengatakan zaman remaja sebagai zaman

"Storm and Stress" yang bersifat biologikal yang

terhasil daripada perubahan-perubahan yang

berlaku semasa baligh dan tidak dapat dielakkan.

Sesungguhnya melalui akil baligh merupakan

suatu masa apabila emosi menjadi tidak stabil dan

tergugat.Hall amat percaya bahawa hasil daripada

tekanan-tekanan dan perubahan tersebut, akhirnya

remaja akan menjadi individu yang matang dan

bermoral.

Sunyi Dan Mula Ingin Didampingi Islam sangat menitik beratkan soal perasaan. Perasaan yang tidak dikekang akan dipengaruhi oleh Nafsu dan Syaitan. Ia akan menjadi elemen pemusnah dan perosak akhlak manusia.

Andainya, kesunyian adalah teras kepada perasaan cinta yang ingin kamu suburkan, bunuhlah dan matikanlah ia secara perlahan-lahan.Jangan suburkan ia dalam hatimu, kerana ia akan merosakkan dan menghilangkan pegangan dirimu.

Orang yang sunyi, apabila memiliki seseorang yang dirasakan adalah penghilang rasa kesunyiannya, penghibur di kala kesepian akan menjadikan kamu tidak akan cukup sekadar berhubung di dalam telefon,ataupun ruangan laman sosial, bahkan ia akan membawa kamu lebih jauh dari itu.

Perasaan sunyi akan menghadirkan rindu, dan rindu akan membuahkan rasa ingin bertemu, dan sesekali ia tidak akan terhenti disitu.

Hasil kajian yang dibuat di Jepun, pada tahun 1999 keatas 50 orang pelajar lelaki dan wanita, iaitu ujian mengenai " Ketahanan psikologi cinta" mendapati 47 orang daripada ujian tersebut bersetuju bahawa perasaan cinta yang di dorong oleh faktor kesunyian ini antara penyebab memungkinkan kekecewaan yang memuncak.

Bermakna, manusia yang bercinta atas dasar rasa sunyi ini ada dua keadaan iaitu pertama mengecewakan dan dikecewakan. Bagaimana keadaan hal yang pertama, iaitu mengecewakan itu boleh berlaku?

Ada manusia ia bercinta kerana merasa perasaan keseorangan, sendiri dan sunyi, dia memerlukan

seseorang untuk menghilangkan rasa kebosanan dan kesunyiannya.

Bagi yang menaruh harapan sudah tentu ia akan dikecewakan dan dihampakan. Saat kamu memerlukan, dikala kedua-duanya merasakan getaran kesunyian, saling memberi cinta dan percaya, akhirnya tanpa di duga, kamu menemui pengakhirannya dengan kecewa.

Oleh kerana itu, kesunyian itu terkadang membuatkan kamu lebih tabah menghadapi detik-detik hidup dan terkadang juga mungkin kalau kamu tidak sabar dan tegar menghadapinya, membuatkan kamu diperbodohkan dan disakiti semahu-mahunya.

Bersederhanalah ketika melayani perasaanmu, kerana perasaan itu sesekali tidak akan mampu kamu penuhi kehendaknya hatta kamu

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

mengembara ke penghujung dunia sekalipun, pasti

kamu tidak akan berhasil

Bagaimana pula jika cinta memang didasari

perasaan sunyi, ingin berteman tetapi ikhlas untuk

bercinta? Matlamat belum cukup menghalalkan

cara, selalu kamu nampak perkataan Ikhlas ini di

labelkan secara besar untuk memaksudkan sesuatu

tindakan itu mulia.

Usah bicarakan, mereka yang kamu lihat sudah

bertahun "berkapel" secara bersama boleh duduk

semeja, duduk semotor, dan sekereta namun tetap

bahagia. Interpretasikanlah apa itu makna bahagia,

andai kebahagiaan yang kamu kejar itu, kamu

sedang membelakangkan Allah dan agama.

Cukupkah kebahagiaan yang kamu inginkan dalam

hidupmu? Kamu ditinggalkan dengan persoalan ini

untuk kamu renungi dan fahami.

Hakcipta terpelihara

Milik Hadi Fayyadh Production 2017

Cinta itu bakal merosakkan Personaliti Agamamu

Cinta yang dilarang adalah cinta yang menyebabkan kamu melupakan pertanyaan dan jawapan ini. Siapakah kamu sebenarnya? Apakah tujuan kamu dihidupkan? Apakah peganganmu? Apakah taklif dan tanggungjawabmu? Kemana kamu akan pergi selepas kematian?

Adakah kamu yakin akan kewujudan Tuhan dan negeri akhirat? Jawablah dengan jujur dan tenang. Seandainya kamu masih kabur dengan pertanyaan itu tadi, carilah murabbi dan guru untuk betulkan jalan dan pendirianmu.

Bagaimana cinta itu mampu melunturkan cerminan agama yang ada padamu? Apabila kamu melihat cinta adalah segala-galanya dan tujuan hidupmu kamu korbankan untuknya. Agama tidak lagi mampu meletakkan label soal halal dan haram dalam hidupmu.

Apa yang haram adalah halal bagimu, dan haram bagimu hanya suatu indikator laungan yang dibuat secara umum, tetapi tidak dibuktikan apabila kamu sendiri.

Hidup kamu bergelumang dengan keseronokkan cinta, bertunjangkan kesetiaan "until jannah" yang selalu menjadi igauan bagi mereka yang bercinta.

Kebahagiaan itu telah menjadikan kamu hidup seperti "dunia ini ana yang punya", ibu bapa, keluarga lazimnya tidak lagi jadi sandaran hidupmu.

Mungkin juga ada yang menyalahkan keluarga, namun sampai bila kesalahan itu kamu ingin letakkan kepadanya.

Cinta yang melunturkan agamanya akan bermula dengan ikrar janji untuk sehidup semati, berkorban

apa jua yang menjadi milikmu adalah miliknya, tiada lagi rahsia antara kita, pelukkan asmaranya menjadikanmu untuk terus merapatinya sehingga melupakan nilai-nilai agama yang ada pada dirimu.

Kamu berpegang teguh dengan janji-janjinya sehingga kamu melupakan janji-janji azab-NYA untuk mereka yang mendustai agama-NYA. Sesungguhnya duhai Anak Adam yang dirindui oleh Rasulullah SAW, Ingati dan amati pesanan Allah SWT untuk mereka yang melupakan dan mempermainkan agama semata-mata kerana cintanya:

"...Wahai orang -orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejek-ejekkan dan permainan dari orang - orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu dan orang-orang kafir Musyrik itu: Menjadi penolong-penolong dan bertagwalah

kepada Allah, jika kamu benar-benar beriman.." (Surah Al-Maidah Ayat : 57)

Kamu akan semakin jauh, dan jauh dengan Tuhan. Ketika itu, soal ketenangan tidak lagi mampu kamu bicarakan. Hati akan terus gelap dan hitam.

Hidayah Allah SWT akan terhalang, cahaya dan Nur Allah juga akan terpadam. Ada juga terus bergelumang dengan wanita-wanita dan lelakilelaki, menari di kelab malam, minum minuman keras yang terlarang, pergaulan dan perzinaan secara terbuka, kerana dia percaya itulah sumber kebahagiaannya.

Jika cinta ini membuatkan agamamu hilang dan luntur dalam dirimu, maka pilihlah untuk terus menghindarinya, bertaubat dan memulakan langkah kehidupan yang baru.

Kalaupun kamu masih belum sampai ke tahap itu, bersyukurlah kerana masih ada ruang dan kesempatan untuk kamu kembali dan perbaiki diri, dan adapun kamu sudah pergi jauh dan hilang identiti diri, percayalah Allah SWT tidak pernah menutup pintu taubat itu selagi Matahari belum terbit di Barat dan Ruh telah sampai ke pangkal halkummu.

Hargailah agama yang ada padamu kerana disitu jugalah cintaNYA hadir. "Cintailah yang menjadi pemilik cinta ini, bukan membelakangkannya, mintalah kepada pemilik cinta ini, bukan mengabaikannya, dan berserahlah kepada pemilik cinta ini bukannya menghilangkan kepercayaan kepadanya" Ahli Sufi Pencinta Ilahi.

Cinta Tidak akan Bahagia, andai sering bergelumang dengan Salah Sangka.

Fitnah, salah sangka dan cinta adalah suatu perkara yang berbeza namun ada keserasian dan perkaitan antara ketiganya.

Cinta yang tidak mengikut syariat dan batas-batas yang telah ditetapkan akan mengundang fitnah dan salah sangka.

Islam cukup menitik beratkan soal maruah dan harga diri seseorang. Tidak boleh sesekali membuka ruang dan peluang untuk orang lain memandang serong terhadap dirimu melainkan sememangnya apa yang kamu buat itu tidak salah pada pandangan agama.

Bagaimana cinta yang mampu menyuburkan fitnah ini boleh berlaku.

Selusuri setiap satu persatu cinta yang menjadi penyebab kenapa ia dilarang untukmu iaitu :

i. Perhubungan cinta yang sengaja diperbesarkan, sehingga seseorang yang dicintai itu menjadi subjek kepada perbualan kamu dengan orang lain. Kamu hanya nampak sidia dalam apa jua aspek kehidupan yang kamu lalui.

Disini ia akan menjadi permulaan kepada perasaan tidak senang yang menimbulkan cakap-cakap orang lain terhadap dirimu dan dirinya sehingga ada pula yang menabur ftnah dan berita palsu tentang dirimu. Kata orang tua-tua, rambut sama hitam, hati lainlain.

 ii. Mempertonton dan memaparkan secara umum melalui gambar-gambar betapa akrabnya cinta yang kamu miliki dengannya

terutama di laman sosial. Mungkin kamu akan menulis di foto berkenaan "No Caption" yang menunjukkan ia adalah perkara biasa yang tidak perlu untuk di labelkan.

Sedar atau tidak, mungkin ada yang memuji dan tidak kurang juga yang mendoakan semoga perhubungan kamu terkandas di tengah jalan. Kalaupun kamu adalah seorang pemimpin, apa tanggapan orang lain kepada kamu? Bukankah ia akan menghilangkan soal kredibiliti dan kepercayaan orang lain terhadap kamu?.

iii. Pertemuan yang dilihat secara kerap. Inilah yang akan menyuburkan lagi fitnah yang lebih besar iaitu fitnah hati dan mata. Tidak ada sesiapapun yang memandangnya akan mengatakan, kamu berdua berjumpa sebab dan atas urusan penting-penting sahaja,

mempositifkan setiap pertemuan kamu dengannya melainkan tanggapan negatif yang memberi implikasi kepada soal maruahmu

Ini adalah antara perkara yang boleh mengundang fitnah dan buruk sangka orang lain terhadapmu. Cinta yang boleh menyebabkan perkara ini berlaku sudah jelas ia tidak menepati kehendak syariat yang pastinya merugikan dirimu.

Dalam soal ini, janganlah pula kamu berpegang dengan prinsip usah pedulikan kata-kata dan cakap-cakap orang, yang penting kamu bahagia dengannya. Andai prinsip seperti ini kamu pegang, tidak kena pada tempat dan situasinya.

Selagi kamu tidak berbuat maksiat, dan masih ada orang yang cakap-cakap dan

mempertikaikanmu, sedang kamu berada di atas landasan kebenaran, ketika itu prinsip ini harus dipegang dengan kemas.

Tetapi sebaliknya, kalau dalam masa yang sama, cakap-cakap mereka itu bukan lagi untuk menyedarkan akan kesalahanmu itu, bahkan lebih mirip kepada menghinamu atas perbuatan kamu yang salah dengan agama, maka kembalilah, sesungguhnya Tuhanmu tidak pernah jemu untuk mendengar doa harapan taubatmu.

Tinggalkan perbuatan yang mensia-siakan umur dan potensi masa depanmu, fokus untuk terus memberi komitmen kepada kredibiliti kejayaan untuk empayar paksi dirimu yang cemerlang dan gemilang yang tidak ada siapa lagi mampu untuk menggugahnya.

Ingat pesan orang cerdik pandai, meninggalkan tabiat buruk itu, akan menjadikan kamu orang belajar untuk terus konsisten melakukan tabiat orang yang hebat.

Cinta yang mensia-siakan hidupmu.

"Andai masa mampu ku putarkan kembali, inginku berada di saat itu untuk ku betulkan isi masamasaku yang telah pergi meninggalkanku".

Inilah kata-kata yang sering terungkap bagi mereka yang ingin betulkan keadaan pada masanya yang lalu dengan besar harapan ia mampu mengubah keadaan.

Sesekali ia tidak mampu untuk lakukannya, sekadar cukup bermimpi dan bercita-cita cuma. Seorang ahli falsafah Islam berkata, sesungguhnya masa silammu mencorakkan siapa diri kamu

sebenarnya, maka berterima kasihlah kepada masa silammu kerana ia mengajar kamu untuk tidak mengulangi kesilapan semalam andai kamu mengambil iktibar dan pelajaran.

Masa adalah sesuatu yang sangat berharga, sehinggakan Tuhanmu bersumpah dengan masa di dalam Surah Al-Asr Allah SWT menyatakan kesungguhan dan peringatan yang cukup jelas terhadap mereka yang mengabaikan masa :

"DAN DEMI MASA, Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada di dalam kerugian : Melainkan mereka yang beriman dan berbuat amal soleh dan berpesan diatas jalan kebenaran dan berpesan-pesan diatas jalan kesabaran.." (Surah Al-Asr Ayat 1-3)

Sejauh mana cintamu telah sampai ke puncak impian dan harapanmu? Adakah kebahagiaan, keseronokkan itu terus menjadi milikmu, atau

hanya kesedihan yang melakar diari epilog hidupmu?

Masa yang ada bersama kamu dengannya, berapa kerapnya kamu menghabiskan sisa-sia usia waktumu tanpa ada penghujung dan noktahnya untuk kamu katakan selepas ini apa dan bagaimana pula kesudahannya, atau kesinambungannya akan berterusan atas dasar bayangan dan harapan yang terus kamu bina hari demi hari untuk bersamanya.

Kamu mungkin tidak mampu merenung dan berfikir di kala kebahagiaan sedang berbungabunga di hati kamu, bilakah masanya kamu akan terduduk dan termenung, di kala harapan kamu pudar dan wujud sedikit kelompongan dalam perhubungan kamu dengannya.

Ambillah masa untuk kamu merenung dan bermuhasabah, hitunglah sesuatu yang telah

kamu bazirkan bersama dengannya, sedangkan perhubungan cinta itu belum ada apa-apa yang boleh menjanjikan ikatan yang berpanjangan.

Hitunglah pula berapakah jumlah wang yang telah kamu belanjakan untuknya? Wujud atau tidak?

Andainya memang wujud wang adalah antara alat jambatan cintamu, sudah pasti, hadiah hari lahir setiap tahun tidak pernah kamu ketinggalan untuk belikan, belum termasuk hadiah-hadiah misteri tanda cinta dan perhubungan kamu yang kamu berikan sebagai tanda saspen, suprise dan kejutan buatnya, dan kamu rasakan si dia makin bertambah sayang kepadamu setiap kali dia menerima hadiah kejutan darimu.

Bagaimana pula ketika keluar menonton wayang dengannya, bagi mereka yang tidak punyai kereta atau kenderaan sendiri, bayaran kereta sewa

kamu kongsikan atau tidak, pasti kamu masih perlu keluarkan juga ongkosnya tidak kiralah secara beramai-ramai atau tidak kamu tetap perlu kongsikannya.

Belum termasuk lagi kos untuk tambah nilai kad pra bayar telefon bimbit kamu, adakah semua itu percuma? Bagi mereka yang berkemampuan, berlatar belakang keluarga yang mewah atau ada pendapatan sendiri mungkin berbeza situasi dan keadaannya.

Coretan ini hanyalah cebisan bingkisan pengorbanan dalam bentuk kewangan yang sedang kamu lakukan untuk perhubungan cintamu, terbazir begitu tanpa kamu sedari.

Adakah kamu merasakan ianya adalah suatu bentuk pelaburan jangka masa panjang? Kalaulah kamu mampu mencongak belanjawan tahunan, tentu sahaja ada yang terkejut pabila melihat

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

paparan nilaian perbelanjaan terhadap "projek cinta" itu.

Belum lagi membicarakan komitmen lebih utama yang mungkin telah tersia-sia atau diabaikan dek gara-gara kamu terlalu memberi fokus dan penumpuan kepada aktiviti cintamu.

Keinginan Cinta

Apabila kamu ingin bicarakan status cintamu, dimana kondisinya, atas dasar keperluankah atau sekadar keinginanmu, harus di definisikan dahulu apa makna keinginan dan keperluan itu.

Keinginan adalah sesuatu yang lebih mirip kepada kehendak dimana, ada atau tiadanya, ia tidak akan menjejaskan manamana bahagian di dalam kehidupanmu sebagai contohnya jika kamu berkeinginan untuk memiliki cinta seseorang, tetapi kamu gagal mendapatkannya tidak bermakna kamu tidak lagi boleh hidup tanpanya.

Seolah kamu tidak boleh mencari cinta baru untuk menggantikan cintanya, kerana cinta itu adalah suatu fitrah yang dimiliki oleh setiap manusia sempurna sepertimu.

Bagaimana pula dengan perspektif keperluan? Keperluan adalah sesuatu yang mesti wujud dan ia perlu untuk meneruskan kesinambungan kehidupan.

Sebagai contoh mudah, keperluan hidup seperti berpakaian, makan minum, tempat berteduh dan sebagainya.

Jika diambil dari sudut cinta pula, keperluannya adalah ketika ia sudah mencakupi usia yang matang, bersedia dari sudut zahir batinnya, perbelanjaan zahiriah sudah mampu untuk direalisasikan, keperluan telah mengatasi kehendak ketika itu.

Ia boleh membawa fitnah dan buruk sangka orang lain terhadap dirimu jika cintamu tidak lagi

menjadi keinginan tetapi sudah bertukar kepada keperluan dengan analogi yang mudah, seseorang lelaki atau wanita yang sudah menjangkau usia yang agak lanjut, perlu mempercepatkan proses perkahwinannya bagi memurnikan sunnah Rasulullah SAW dan mengelakkan maksiat dan fitnah.

Cinta yang dikategorikan sebagai keinginan ini sebenarnya terbina di atas beberapa rangsangan seperti faktor psikologi, biologi, persekitaran dan pengalaman.

Cinta atas keinginan Psikologi atau minda ini adalah perubahan hormon keremajaan yang inginkan perhatian, kasih sayang dan belaian daripada jantina yang berlawanan dengannya.

Biologi yang merubah struktur fizikal seseorang lelaki telah menghasilkan air mani atau sperma ini merasakan dirinya sudah bersedia untuk menjadi

seorang ayah, perubahan suara yang garau menunjukkan elemen kelelakian itu diserlahkan secara jelas.

Biologi wanita pula, akan terlihat dengan perubahan dadanya yang menjadi simbol kebanggaan bagi mana-mana wanita, sebab itu Islam mewajibkan ditutup bahagaian dada dengan jilbab yang labuh, kitaran haid yang berlaku akan merembeskan hormon kewanitaan yang menjadikan dia sebagai seorang wanita yang ingin dimanjakan, sensitif dan sebagainya kepada berlawanan jenis dengannya.

Cinta yang terbina atas dasar persekitaran ini lazimnya terpengaruh dengan elemen kawan-kawan atau orang disekelilingnya yang bercinta, menyebabkan dirinya rasa kesunyian, ingin dilabelkan sebagai orang yang turut "laku" dalam menjalinkan perhubungan cinta.

Apa yang dilalui oleh orang lain, turut untuk sama dilalui oleh dirinya. Soal bahagia atau tidak terkadang tidaklah menjadi keutamaan atau dipedulikannya asalkan orang lain tahu bahawasanya dia sudah "berpunya".

Dengar seperti aneh dan pelik bukan, namun realitinya kewujudan manusia seumpama itu tidak boleh dinafikan. Ada juga kondisi keinginan memiliki cinta ini adalah berdasarkan pengalaman yang di lalui oleh seseorang.

Kata orang, pengalaman itu guru terbaik bagi mematangkan perjalanan usia seseorang. Dia pernah mengharungi cinta yang suci namun tidak kesampaian dan berakhir akibat daripada kematian, halangan oleh faktor kekeluargaan dan sebagainya.

Dia tidak mampu untuk melupakan kenangan itu sebegitu sahaja, lalu dia mencari pohon cinta yang baru bagi menumpang teduhan redupan kasih.

Semangat yang tidak pernah pudar dan berputus asa dalam pencarian cintanya itu membuak-buak sehingga dia menemui semula apa yang telah hilang, sirna dalam hidupnya.

Keinginan seperti ini adakalanya belum memberi apa-apa jaminan, bahagia atau sengsara. Kondisi cinta atas status keperluan perlu dilihat secara terperinci dimana ia perlu menemui pengakhirannya iaitu pernikahan, bukannya cinta kerana atas dasar omongan atau angan-angan semangat yang katanya berkobar-kobar dengan kewujudan cinta.

Perhalusi setiap sandaran kehidupanmu duhai pemilik cinta yang setia.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Sekiranya kamu bersemangat untuk menuju

sesuatu itu atas adanya cinta, amat merbahaya

sekali dalam hidupmu.

Cinta itu bukan syarat utama kehidupan, ia

hanyalah salah satu cabang dalam hidupmu, ia

umpama perasa yang akan melazatkan lagi

citarasa masakkanmu.

Ia adalah pewarna yang akan menceriakan

lukisan dan lakaran fotomu, namun ia tetap jua

bersyarat iaitu andai ia kena pada pilihan warna

yang tepat dan perasa yang bersesuaian barulah ia

akan menjadi makanan yang enak dan lukisan

yang cantik. Itu adalah analoginya.

Bagi kamu yang mengatakan cinta itu perlu atas

beberapa sebab seperti memberi galakkan dan

dorongan untuk terus berjaya di dalam pelajaran,

sumber untuk tegur menegur dikala melakukan

Hakcipta terpelihara
Milik Hadi Fayyadh Produ

Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifavvadh.com

kesilapan, membantu apabila berada di dalam kesusahan, hanya dia mampu memahami segala isi hati dan perasaanmu, tempat kamu meluahkan segala masalah, tempat kamu bergantung harap dan banyak lagi alasan-alasan yang mampu kamu senaraikan.

Antara sedar atau tidak, alasan-alasan yang kamu berikan itu menunjukkan *Pertama*, kamu tidak melatih diri kamu untuk berdikari dan tetap bergantung kepada orang lain dalam hal dan urusan peribadimu.

Kedua kamu tidak menyakini secara kuat bahawa Allah SWT adalah sebaik-baik tempat mengadu serta tempat meminta pertolongan dan ini adalah soal aqidah yang disebut di dalam surah Al-Fatihah ayat ke 5 :

" Dan hanya kepada-MU lah kami menyembah (tujuan ibadah dan kehidupan) dan hanya

kepadaMU lah tempat kami memohon dan meminta pertolongan (pengharapan)..",

Ketiga adakah kamu yakin segala masalah yang kamu curahkan dan kongsikan mampu untuk diselesaikan?

Walaupun mungkin kamu beranggapan bahawa cukuplah sekadar ada yang menjadi pendengar yang setia. Didalam hal berkongsi masalah ini, Ulama" ada membahaskan beberapa larangan seperti mendedahkan aib sendiri yang dibimbangi akan di salah gunakan oleh pihak lain untuk mencalarkan maruahmu.

Siapa tahu, disaat ini dialah sahabat atau kekasih yang paling kamu cintai, entah esok atau lusa kamu bergaduh dengannya, dan perkara sulit yang ada kaitan dengan maruah kamu di dedahkan kepada umum.

Oleh itu, cinta itu tidak lagi menjadi keperluanmu di saat ini, ia hanya sekadar bayangan keinginanmu.

Keperluan cinta perlulah di dominasikan dengan pengakhirannya iaitu perkahwinan seperti yang disebutkan pada awal perbincangan tadi, dan Islam juga membahagikan kepada Lima hukum melihat kepada keperluan dan keadaan iaitu:

WAJIB:

Bagi mereka yang mampu zahir dan batin serta menambahkan nilai ketaqwaan kepada Allah SWT serta ingin menjauhi fitnah dan melakukan perzinaan.

HARAM:

Bagi mereka yang tidak mampu dari sudut zahir dan batin. Adapun Ulama" menghuraikan, mampu dari sudut zahir ini ialah mampu untuk mencukupkan keperluan berumah tangga,

memberi nafkah dalam bentuk wang atau perbelanjaan kepada si Isteri dengan sempurna dan dari sudut batin, tidak ada cacat celanya yang menghalang daripada hal berlakunya persetubuhan yang sah antara suami dan isteri.

SUNAT:

Mereka yang sudah sampai kepada tahap mampu dari sudut zahir dan batin, tetapi menyakini mereka masih mampu untuk mengawal dirinya daripada melakukan zina. Tidaklah menjadi paksaan apabila berada di dalam situasi ini.

MAKRUH:

Mereka yang tidak mampu zahir dan batin, tetapi tidak memberi bahaya kepada isteri kerana isterinya kaya dan tidak kuat keinginannya untuk melakukan hubungan seks.

HARUS:

Bagi mereka yang tidak ada halangan untuk

berkahwin atau halangan lain untuk tidak

membenarkannya berkahwin dan tidak ada pula

sesuatu perkara yang mendorong dirinya untuk

berkahwin.

Dalam erti kata lain, kedudukan perkahwinan

baginya tidak mendesak dan dia bila-bila sahaja

boleh melangsungkan perkahwinannya tanpa ada

gangguan dan halangan.

Fahamilah sejenak, bahawa keperluan cinta itu

adalah bagaimana kamu meletakkannya di

tempat yang sepatutnya. Keperluan yang

mendesak juga haruslah berhati-hati di dalam

menilainya, supaya tidak ada aspek lain yang

lebih utama kamu akan terlepas pandang.

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

Hati & Cinta

Firman Allah SWT:

".. Maka bertanyalah kepada ahlinya (orangorang yang pakar) jika kamu tidak mengetahui (keadaan sesuatu perkara).."

(Surah An-Nahl Ayat: 43)

Perasaan cinta yang sedang membongkah, dipendamkan dalam sanubari yang dalam, manusia lainnya tidak diberi ruang untuk mengetahui rahsia berahi cintamu, apatah lagi kepada sidia yang ingin dituju cintamu, semakin kuat ingatan kamu kepadanya semakin kuat pula zikir dan sebutan asma-NYA meniti di pinggir bibirmu.

Semakin sering harapanmu terhadap kehadirannya, semakin keras kamu ingin melupakannya. Lelaki atau wanita yang soleh atau solehah tidak akan sesekali membiarkan rindu itu bergelora kerana takut kemurkaan Allah SWT itu mengatasi segalanya.

Perlukah cinta itu hanya untuk dipendamkan ? Benarkah cinta yang dipendamkan akan merugikan dek kerana melepaskan seseorang yang bernilai dalam hidupnya?

Cinta tanpa melafazkan ibarat seperti batu permata yang disimpan secara kemas di dalam kotak berharga yang hanya mampu dibeli oleh mereka yang layak dan berkemampuan sahaja.

Bagi kamu yang masih sedang mengikuti pengajian, dan persoalan kemampuan itu masih jauh lagi untuk dibicarakan, memendamkan perasaan ini adalah salah satu jalan berani yang

boleh menyelamatkan pelbagai masalah dan keadaan

Saat kamu merasakan dialah orang yang tepat atas dasar keimanannya dan keteguhan ketaqwaan yang terpancar dari raut wajahnya, bukan kerana dari pembawaan karakter fizikalnya, maka bawalah selalu namanya dalam doamu.

Itukan lebih bermakna kerana kamu mengadu kepada empunya cinta.

Istikharah cinta dalam diam ini sangat besar makna pengorbanannya, ia menahan pelbagai rasa, ia menanggung kebahagiaan dan penderitaan yang tiada siapa tahu kecuali Allah SWT, Ia merendahkan nafsu dan kemahuannya, dia mendidik dirinya agar terus tabah dan kuat mengharungi cinta yang dibimbangi akan ternoda.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Allah SWT tidak akan sesekali mensia-siakan apa yang telah menjadi jual beli dan dagangannya. Allah SWT akan membayarnya sehingga dia akan dipertemukan dengan seseorang yang lebih baik daripada insan yang diminati dan dicintai secara

Cinta dalam diam ini, hukumnya tidaklah berdosa selagi seseorang itu tidak memulakan langkah untuk tindakan seterusnya sehingga mencetuskan perkara yang dilarang.

Allah menjadikan perasaan sebagai suatu nikmat dan ujian bagi para hamba-NYA. Sesungguhnya, mereka yang mencintai secara diam ini yakin akan ketentuan yang terbaik adalah daripada Allah.

Ia beranggapan,walau sehebat manapun ia menyusun dan mencari contoh jodoh yang terbaik, namun pilihan Allah adalah yang paling

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

diam itu.

molek. Ini dibuktikan dalam kisah Sayyidina Ali Karamallahu wajhah yang mencintai Sayyidatina Fatimah R.A. secara senyap.

Ketika itu dia menahan dan memendam cintanya kerana dia belum siap untuk memikul tanggung jawab dan amanahnya. Allah SWT mengujinya dengan pinangan daripada Sayyidina Abu Bakar R.A. dan Sayyidina Umar R.A., dan ketika itu perasaannya amat dukacita dan segalanya dia berserah kepada Allah SWT.

Apa yang berlaku selepas itu, lamaran itu ditolak oleh Rasulullah SAW. Sehinggalah Sayyidina Ali cepat-cepat melamar Sayyidatina Fatimah, maka sabda Rasulullah SAW: "Engkau pemuda sejati wahai Ali, pemuda yang siap bertanggungjawab atas cintanya, ahlan wasahlan" Begitu kata baginda dengan senyumannya.

Akhirnya, Allah menyatukan mereka berdua, dan suatu ketika Sayyidatina Fatimah R.A. berkata kepada Sayyidina Ali R.A., "Maafkanlah aku, kerana sebelum berkahwin, aku pernah mencintai seseorang." Sayyidina Ali bertanya, "Lalu kenapa kamu masih mahu berkahwin denganku?

Siapa pemuda itu?" Sayyidatina Fatimah menjawab, : "Pemuda itu adalah kamu". Betapa inilah contoh dan ikutan, idola yang terbaik. Cinta yang dipendamkan, di doakan akhirnya Allah jualah yang maha menyatukan.

Janganlah bersedih andai kamu memilih untuk memendamkan perasaan cintamu kerana itu adalah antara yang terbaik.

Hanyasanya kemuncak kepada ekpressi kasih sayang antara lelaki dan wanita perlulah diterjemah dengan perkahwinan. Oleh kerana itu,

jika tidak mampu, sebaik dan sebolehnya dipendamkan sahaja.

Serahkan urusan itu kepada Allah SWT melalui doa dan berusahalah untuk menjadi yang terbaik. Ini dapat mengelakkanmu pelbagai mehnah dan tribulasi dunia akhir zaman terutama di dalam ikatan perhubungan. Rasulullah SAW bersabda dalam satu hadis baginda yang mahsyur:

Dari usamah R.A. berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Tidak aku tinggalkan selepasku ftnah yang paling merbahaya keatas lelaki melebihi fitnah dari wanita"

(HR Imam Al-Bukari dan Muslim)

Di dalam satu hadis lain, Rasulullah SAW bersabda : " Tidak terlihat oleh dua orang yang saling menyintai seumpama (cinta yang lahir dari) perkahwinan"

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

(HR Imam Ibnu Majah dan Al-Hakim)

Para Ulama" lain berkata, ubat paling besar yang

dapat mengubati perasaan cinta ialah berkahwin (

Faidhul Qadier, hadis No.7361)

EKSPRESSI SEBUAH CINTA? BILAKAH

WAKTUNYA?

Allah SWT berfirman di dalam Al-Quran:

"Dan diantara tanda-tanda kekuasaan-NYA ialah

dia menciptakan untukmu Isteri dari jenismu

sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa

tenteram kepadanya dan dijadikan-NYA diantara

rasa kasih dan sayang, sesungguhnya pada yang

demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda

bagi kaum yang mahu berfikir." (Surah Ar-Rum

Ayat : 21)

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

Meluahkan cinta adalah sesuatu yang sangat mendebarkan, menakutkan dan menggembirakan sesuai dengan penemuan pengakhiran yang kamu perolehi.

Apabila kamu sudah bersiap siaga dengan keperluan yang cukup untuk merealisasikan cintamu melalui ikatan yang diredhai oleh Allah dan Rasul-NYA walaupun di usia yang masih muda, itu bukan penghalangnya, Maka apa lagi ditunggu dan diperlambatkan urusannya.

Percepatkanlah dan permudahkanlah kerana ia sebahagian daripada Sunnah Rasulullah SAW yang dicintai. Namun ada beberapa syaratnya iaitu;

1. ILMUAGAMA YANG CUKUP

Ulama" Tauhid menyimpulkan bahawa seawalawal agama adalah dengan mengenali Allah Azzawajalla.

Kenal bukan sekadar tahu bahawa Tuhan kamu adalah Allah SWT, tetapi memahami selok belok, simpang siur perbahasan mengenainya yang merangkumi soal Uluhiyyah, Rububiyyah dan Asma" Wa Sifat yang telah dikemaskan oleh para Ulama" Tauhid.

Persoalan Fiqh, termasuk Munakahat, Muamalat, Taharah dan sebagainya perlulah kamu perkemaskan supaya tidak timbul masalah nanti di kemudian hari sehingga wujud dikalangan lelaki atau wanita yang ingin berkahwin, namun masalah mandi wajib pun masih tidak mampu untuk diselesaikan.

Ilmu Al-Quran juga perlu kamu pelajari supaya ia tidak menjadi bebanan dosa kepada kamu.

2. YAKIN DIA ADALAH JODOHMU

Ini penting bagi memastikan calon yang dihajati itu bukan tunangan atau milik orang lain. Di dalam Islam, hukumnya HARAM jika meminang tunangan orang lain bagi seorang lelaki yang berhajat kepada seseorang wanita.

Apa tujuannya? Ia adalah untuk menentukan calon yang bakal dinikahi itu sempurna anggota tubuh badannya, samada dari fizikal mahupun mental.

Pasti jua baik akhlaknya, siapa nasab atau keturunan yang mewakili keluarganya, dimana selain daripada kenal secara langsung, kamu juga boleh bertanyakan tentangnya kepada kawankawannya, jiran tetangganya dan

kenalannya yang lain, dan tidak semestinya kamu lihat proses mengenali itu hanya melalui percintaan semata.

Dalam soal ini juga, Istikharah amat digalakkan dalam menentukan pilihan, ini adalah kerana setiap apa yang diperolehi adalah pilihan yang terbaik dari Allah SWT untukmu.

3. MAMPU BERTANGGUNGJAWAB DAN AMANAH DI ATAS BAHU SENDIRI.

Amanah dan tanggungjawab ini bukan hanya terletak di atas pundak dan bahu suami atau isteri sahaja, tetapi kedua-duanya berperanan bagi menentukan keharmonian rumah tangga yang bakal dibina secara bersama.

Amanah dan tanggungjawab ini termasuklah, menerima kelebihan dan kekurangan seadanya, susah senang bersama, segala tanggungjawab

mendidik anak-anak nanti juga diberi secara bersama, bersedia berkongsi kegembiraan dan kesedihan.

Menyempurnakan amanah Akhirat juga jangan sesekali dilupakan termasuklah, memastikan isteri atau suami tidak meninggalkan suruhan agama, menjauhi segala perbuatan maksiat dan menjaga hak orang lain termasuk hak ahli keluarga yang lain, adik beradik, jiran tetangga dan sebagainya.

Ingat, menanggung amanah ini sangat berat bagi yang tidak sanggup, namun tanggungjawab ini pasti ringan seandainya ia dipikul secara bersamasama.

4. TIDAK TERLALU MENGHARAP.

Seandainya kamu adalah Lelaki, setelah keempatempat syarat tadi sudah hampir kamu penuhi, teruslah bergerak untuk kelangkah yang

seterusnya iaitu memulakan proses merisik dan pertunangan.

Ikutlah agama dan adat Melayu yang dipenuhi rima-rima bahasa, budaya yang sangat halus. Jagalah adab dan maruah keluargamu dan keluarganya.

Maka, untuk syarat kelima ini haruslah di ingat seandainya hajat setinggi gunung yang kamu bawa tidak mendapat perkenan di hati mereka, maka janganlah bersedih dan berduka kerana pada awalnya kamu sudah tahu boleh jadi ia diterima dan boleh jadi juga ia ditolak.

Orang melayu dahulu kala ada menasihatkan, sekiranya ada hajat pernikahan itu ingin dilaksanakan, maka seeloknya bertanyalah dahulu samada ingin menerima atau menolak supaya nanti jika ada penolakkan ia akan diterima

oleh kedua-dua pihak keluarga dengan hati yang terbuka.

Jika kamu adalah seorang wanita, janganlah bersedih hati sekiranya penantian lamaran dari seorang jejaka idaman hati itu tidak kesampaian. Boleh jadi dia mungkin belum bersedia, belum masa yang sesuai atau mungkin jua jodoh kamu bukan dengannya.

Apabila kamu bersedia untuk ditolak, bermakna kamu tidak akan kecewa saat segala cinta yang diingini terkubur begitu sahaja.

Ketahuilah, tidak semua impian itu mampu kamu miliki, tidak semua apa yang dihajati akan dikotakan dan tidak semua kebahagiaan itu akan berpanjangan, sesungguhnya Allah SWT mendatangkan ribut petir, hujan yang lebat ruparupanya Allah ingin menghadiahkan pelangi yang indah. Subhanallah.

Empunya Cinta

Allah Dan Rasul Melebihi Segalanya

Ibnu Al-Qayyim Al-Jauziyyah dalam bukunya, "Bercinta Dengan Allah" ada menyebut seseorang tidak akan memiliki kebaikkan, meraih kemenangan, merasakan kenikmatan dan kesenangan hakiki kecuali dengan mengesakan cintanya kepada Allah SWT dan Rasul-NYA semata, dan Allah SWT serta Rasul-NYA itu lebih dicintai daripada yang lainnya.

Dengan izin Allah, dalam bahagian berikutnya akan dihuraikan secara terperinci mengenai "Rasakan Anugerah" mencintai Allah SWT dalam segenap aspek kehidupanmu. Firman-NYA di dalam warkah teragung buat para pencintanya:

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

" Dan diantara manusia, ada orang-orang yang

menyembah tandingan-tandingan selain Allah.

Mereka mencintai (tandingan-tandingan)

sebagaimana mencintai Allah. Adapun orang-

orang yang beriman amatlah dalam cintanya

kepada Allah" (Surah Al-Bagarah: Ayat 165)

" Katakanlah, "Jika kalian (benar-benar) mencintai

Allah ikutilah aku (Rasulullah). Nescaya Allah

akan mengasihi dan mengampuni dosa-dosa

kalian, dan Allah maha pengampun lagi maha

penyanyang."

(Surah Al-Imran : Ayat 31)

Cinta yang dimiliki oleh Allah dan Rasulmu ini

akan membuahkan kemanisan iman yang tinggi

dan memuncak.

Tidaklah dikasihi Allah dan Rasulnya melebihi daripada segala. Ia tidak akan pernah sirna walaupun jasadmu terkubur dan dikandung tanah.

Empunya Ibu Dan Ayahmu Setelah Cinta-Nya

Sungguh besar kedudukan mengasihi dan mencintai Ibu dan Ayahmu dalam Islam. Bahkan binatang yang tidak dikurniakan akal sayangkan anaknya, apatah lagi manusia. Allah SWT menitipkan perintah-NYA dalam Al-Quran dipetik dari Surah Al-Ahqaaf Ayat 15:

"... Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah."

Sedang tempoh mengandungnya berserta tempoh menceraikan susunya adalah selama tiga puluh

bulan.

Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang

sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat

umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan

berkata:

" Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap

bersyukur akan nikmatmu yang engkau ajarkan

kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya

aku tetap mengerjakan amal soleh yang engkau

redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikkan

meresap masuk ke dalam jiwa zuriat

keturunanku.

Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan

sesungguhnya aku dari kalangan orang-orang

Islam (yang tunduk patuh kepadamu).."

Mengasihi dan mencintai kedua ibu bapamu adalah syariat dan tuntutan di dalam agamamu. Ia adalah sumber kejayaan sang anak samada di dunia mahupun di akhirat.

Ramai anak-anak muda sepertimu pada penghujung akhir zaman ini telah melupakan jasa ibu dan ayahnya, malah ada yang sanggup menderhaka dan meninggalkan mereka dirumah orang tua-tua.

Kekejaman dan kezaliman seorang anak ini pastinya akan dibalas oleh Allah bahkan di dunia lagi akan menampakkan azab-NYA.

Jadilah anak yang soleh dan Solehah, Ia adalah dambaan setiap ibu dan ayah di dunia yang sentiasa mendoakan kebahagiaan mereka terutama pabila tangan dan kaki tidak lagi mampu bergerak, hanya menunggu pahala yang dikirim oleh sang anak.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Terkadang cuba kamu perhatikan, ada yang gagal

meraih cintanya kerana sebenarnya kamu

membelakangkan cinta ibu dan ayahmu.

Membiarkan mereka terus terluka dan sengsara

dek kerana kekhilafan dan kesilapanmu. Ingatlah,

setiap titisan air mata mereka akan menjadi saksi

yang akan membakarmu di dalam Neraka kelak.

Ada suatu kisah yang diringkaskan daripada dua

teladan pemuda yang memelihara Ibu dan

ayahnya dengan begitu baik sekali sehingga Allah

mengurniakan ganjaran yang tidak pernah

disangka dan tidak pernah terlintas di benak

pemikiran mereka iaitu antaranya:

Berbakti kepada Ibu apa : Kisah Pemuda dalam Kubah

di dasar samudera

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

Dikisahkan suatu zaman ketika pemerintahan Nabi Sulaiman A.S., sedang baginda bersiar-siar di tepian pantai, baginda terlihat ada seakan cahaya yang bersinar-sinar di dalam lautan, lalu baginda mengarahkan bala tenteranya yang terdiri daripada Jin dan Manusia untuk menyelam ke dasar lautan dan melihat apakah gerangan cahaya itu lalu mendapatkannya untuk baginda.

Maka, Jin Ifrit menyatakan kesediaannya untuk turun kedasar lautan itu namun percubaannya gagal, sehinggalah seorang pemuda yang gagah berani menawarkan dirinya untuk mendapatkan cahaya itu.

Dengan kuasa Allah SWT yang berada ditangan-NYA, maka ditaqdirkan pemuda itu berjaya untuk membawa naik suatu bentuk kubah yang mengeluarkan cahaya itu tadi ke tepi pantai.

Nabi Sulaiman A.S. bersama bala tenteranya terkejut melihat keadaan kubah itu. Pelbagai tanda tanya yang pelik kedengaran di sana sini, musykil kubah apakah ini?

Dikala itu juga, Nabi Sulaiman A.S. menitahkan kepada pemuda itu untuk mencari pintu atau sebarang lubang untuk mengetahui apa yang terkandung di dalamnya, namun usaha itu gagal.

Lalu baginda Nabi Sulaiman A.S. mencuba dengan memberi Salam sejahtera kepada Kubah itu, dan dengan izin Allah SWT pintu kubah itu terbuka dengan sendirinya lalu kelihatan seorang pemuda sedang khusyu" beribadat di dalamnya.

Sekali lagi Nabi Allah Sulaiman A.S. memberikan salam kepada pemuda itu, dek kerana terkejut pemuda itu menjawab sambutan salam itu dengan terkesima seribu bahasa.

Inilah pertama kali pemuda itu disapa oleh manusia setelah sekian lama dia berada di dalam kubah itu. Nabi Allah Sulaiman A.S. bertanya kepada Pemuda itu, bagaimanakah dia boleh berada di dalam kubah yang tersergam indah ini?

Apakah amalan yang dilakukannya sehingga Allah memuliakannya sebegitu rupa, bagaimana pula dengan makan, minumnya selama ia berada di dalam kubah ini? Nabi Allah Sulaiman A.S. kelihatan begitu teruja untuk mendengar jawapan si pemuda itu.

Dengan mukjizat yang dikurniakan Allah SWT kepada baginda, tentunya baginda mengetahui ada sejuta hikmah yang sedang tersembunyi. Sebagai seorang pemuda yang berakhlak dan berbudi pekerti yang baik, soalan yang agak berat ditanyakan oleh Pesuruh dan Kekasih Allah itu dijawabnya lembut, kemas dan berhati-hati

supaya semua yang ada ditepi pantai ketika itu dapat mengerti dan memahami.

Jawab pemuda itu, "Wahai Kekasih dan Pesuruh Allah, sesungguhnya aku adalah insan biasa yang tidak memiliki apa-apa melainkan kurniaan daripada Allah yang terisitimewa buatku.

Suatu ketika dahulu aku punyai kedua orang tuaku, keadaan mereka sangat uzur. Ibuku buta kedua matanya, manakala ayahku pula bisu, pekak dan cacat pendengarannya. Sesungguhnya amat berat untuk memikul dan memelihara mereka.

Aku tidak pernah mengeluh dan dengan segenap kasih sayangku kepada mereka berdua, aku memelihara dan menjaga mereka dengan sepenuh kasih sayang.

Tidak sesekali aku mengherdik mereka, dan tidak pula aku menghina mereka. Sehinggalah suatu masa, Allah menaqdirkan Ibuku pergi dahulu, kemudian disusuli oleh ayahku.

Aku masih ingat ketika mereka masih hidup, ibuku tidak henti-henti dibibirnya mendoakan kebahagiaanku.

Menitis air mataku dikala ku mendengar doa ibuku yang sentiasa mengharapkan Allah SWT memberikan balasan setimpal atas apa yang telah aku kerjakan, merawat dan menjaga mereka sehingga kepentingan peribadiku diabaikan.

Suatu hari, setelah kedua orang tuaku telah meninggalkan dunia yang fana ini, kesedihan yang begitu berat amat tertanggung di hatiku, sesungguhnya aku merindui mereka, walaupun keadaan mereka sebegitu, namun merekalah tempat aku bermanja dan meluahkan rasa.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Aku telah hilang dua permata berharga di dunia,

maka untuk menghilangkan kesedihan itu, aku

berjalan-jalan ditepi pantai dan aku melihat kubah

ini sedang terdampar di tepi pantai. Setelah aku

mendekati kubah ini, aku terdengar suatu suara

yang menyuruhku masuk ke dalamnya.

Setelah aku memasuki kubah ini, aku melihat

keluasannya adalah sejauh mata memandang,

damainya hanya Allah SWT sahaja yang

mengetahuinya, aku duduk mengabdikan diriku

kepada Sang Penciptaku di dalamnya.

Ketika aku berasa lapar maka ada suatu hidangan

tersedia buatku, aku menikmati hidangan itu dan

belum pernah di dalam hidupku aku merasai

betapa enaknya makanan yang seolah datangnya

dari Syurga.

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

Aku merasai nikmat yang jika hendak dibandingkan dengan apa yang aku korbankan selama ini tidaklah mampu untukku mengecapinya.

Aku yakin inilah doa ibuku yang telah diangkat Allah SWT kelangit, tanpa ada pendinding dan hijab apabila sang ibu berdoa kepada Tuhannya untuk anaknya apatah lagi seandainya doa itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dengan juraian air mata".

Tuhan itu sungguh mendengar lagi mengetahui apa yang tersembunyi di dalam hati. Mendengar kisah yang dibaitkan oleh pemuda itu tadi, benarbenar membuka pintu hati yang rindu kepada Ibu dan Ayah, rindu yang membawa cinta kepada Sang Khaliknya. Semua yang berada disitu terdiam, terpaku sambil menginsafi diri yang hina.

Pemuda itu meminta izin kepada Baginda Nabi Sulaiman A.S. untuk masuk kembali ke dalam kubah indah itu untuk meneruskan legasi pengabdiannya kepada pemilik cintanya.

Baginda mengizinkan, setelah pemuda itu memasuki kubah itu, lalu dia memberikan salamnya kemudian dengan izin Allah SWT, pintu kubah itu tertutup kembali.

Baginda Nabi Sulaiman A.S. mengarahkan pemuda yang gagah berani itu tadi, meletakkan kembali kubah ditempat asal dimana ia mengambilnya tadi.

Betapa sungguh besar balasan yang Allah SWT berikan kepada anak yang menjaga, memelihara ibu dan ayahnya samada dari sudut fizikal mahupun dalaman kedua orang tuanya. Anak yang benar-benar mengasihi dan mencintai mereka berdua tidak akan rugi selamanya.

Berkata seorang Ulama" apabila matinya salah seorang Ibu atau ayahmu, maka hilanglah satu keberkatan besar dan maqbulnya doa dalam hidupmu.

Jika diimbau kembali, kisah seorang pemuda ini sanggup mengabaikan kepentingan peribadinya semata-mata ingin membalas jasa ibu dan ayahnya.

Cuba kamu tanyakan ke dalam hati, adakah kamu telah berkorban sebegitu rupa terhadap ibu dan ayahmu? Adakah Allah SWT mengujimu sampai ketahap itu? Jika kamu diberikan kedua orang tuamu begitu keadaanya, sanggupkah kamu memelihara dan menjaga mereka?

Ketahuilah, cinta yang kamu kejar-kejar selama ini ada pada mereka berdua. Cinta yang memiliki Syurgamu di telapak kaki mereka terutama bagi seorang lelaki.

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Berbakti kepada Ibu apa : Pemuda pemelihara Khinzir

dijanjikan SyurgaNYA.

Nabi Musa A.S. adalah antara Rasul Allah SWT

yang diutuskan keatas kaum Yahudi. Baginda

menyampai dan menyeru dakwah dengan penuh

hikmah.

Walaupun baginda ditentang kuat oleh Firaun

dan bala tenteranya, namun ia tidak sesekali

mematahkan semangat baginda untuk

menegakkan kalimah La ila haillallah di atas

muka bumi Allah SWT ini.

Sehingga dikisahkan baginda dikurniakan oleh

Allah Mukjizat Tongkat yang bertukar menjadi

Ular besar memakan ular-ular para pendita Firaun

dan mampu membelah lautan sehingga Allah

membuka jalan untuk membolehkan mereka yang

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

beriman menyelamatkan diri daripada ancaman bunuh oleh Firaun

Maka, dengan taqdir Allah SWT akhirnya Firaun yang turut mengikuti dan mengejar dari arah belakang melalui belahan jalan tersebut ditenggelamkan Allah SWT bersama seluruh bala tenteranya dan matilah ia di dalam kekufuran.

Apa yang ingin dikisahkan disini, bukanlah apa yang dialami oleh Nabi Musa A.S. di dalam perjuangan baginda, tetapi kisah seorang pemuda yang dijanjikan Allah SWT akan berjiran dengan Nabi Musa A.S. di Syurga kelak.

Apabila Nabi Musa A.S. bertanya dan mengadu halnya didalam Syurga kelak, maka pertanyaan baginda ada berkaitan dengan siapakah baginda nanti akan berjiran, siapakah jiran tetangganya di Syurga.

Diringkaskan sirahnya, pertanyaan baginda disambut oleh Allah SWT dengan jawapan bahawa baginda nanti akan berjiran dengan seorang pemuda yang tinggal jauh terpencil dihujung kampung.

Baginda agak kehairanan kenapakah pemuda itu begitu dimuliakan Allah SWT sehingga akan menjadi jiran tetangganya nanti.

Berbekalkan semangat ingin tahu baginda, ia membuat keputusan untuk menyelidik dan mencari siapakah pemuda yang dimaksudkan Allah SWT itu.

Baginda memulakan pencarian, demi pencarian akhirnya Allah menemukan dengan rumah pemuda yang dimaksudkan Allah SWT itu.

Kedudukkan rumahnya yang jauh terperosok ke hujung kampung, kelihatannya agak usang sekali,

nampak dinding dan atap rumahnya mereput dan rapuh.

Lalu baginda mengucapkan salam dan ditaut oleh pemuda dengan sapaan yang cukup mesra. Setelah memperkenalkan diri, baginda dipelawa oleh pemuda itu untuk duduk bertamu di hadapan rumahnya.

Sambil baginda duduk bertelingkuh di ruang tamu, baginda agak terkejut apabila melihat pemuda tadi keluar daripada biliknya sambil mengendong seekor Khinzir, dibawanya masuk ke ruangan bilik air untuk dimandikan, dibersihkan, dirawat segala kekotoran yang ada pada khinzir itu, sehingga akhir urusannya dia memeluk erat dan mencium khinzir itu dengan penuh kasih dan sayang.

Melihat keadaan itu, Nabi Musa A.S. berasa hairan, lantas kebingungan. Ditambah lagi rasa

kehairanan itu apabila, pemuda tadi mengulangi perbuatan yang sama kali kedua.

Kali ini pemuda itu masuk ke dalam bilik yang sama dan membawa keluar seekor Khinzir lagi, dilakukan perkara yang sama, sehingga akhir urusannya dia memeluk erat dan mencium khinzir itu dengan penuh kasih dan sayang dan meletakkan kembali ke dalam bilik berkenaan.

Nabi Musa A.S. telah membuak-buak persoalan di benak fikiran baginda. Ingin saja soalan itu terus diajukan, namun baginda amat menghormati pemuda itu lantaran janji Allah SWT yang akan menjadi jiran tetangganya di Syurga nanti.

Selesai sahaja urusan menguruskan dua ekor Khinzir itu, pemuda itu tadi mendekat dan merapati Nabi Musa A.S. Belum sempat baginda mengajukan soalan, pemuda itu sudah tahu apakah yang menjadi pertanyaan baginda Musa

A.S. Jawapan yang bersahaja daripada pemuda itu kepada Nabi Allah Musa A.S.,

".. Wahai insan Pilihan Allah, sesungguhnya janganlah kamu hairankan dan bimbangkan, dua ekor Khinzir yang engkau lihat sebentar tadi, aku rawat, aku belai, aku cium dengan penuh kasih sayang yang ada pada seluruh jiwaku, ku pertaruhkan kehidupanku untuk mereka.

Ketahuilah olehmu mereka adalah kedua orang tuaku yang telah mendapat balasan daripada Allah SWT kerana kederhakaan mereka terhadap perintah Allah SWT, sehingga Allah membalas kejahatan mereka di dunia lagi.

Namun, sebagai anak, aku tidak pantas untuk meninggalkan mereka terhina sebegitu rupa. Segala dosa yang mereka lakukan adalah antara mereka dengan Tuhan, aku sentiasa berdoa agar Allah mengampunkan dosa-dosa mereka.

Aku berikrar, selagi nyawaku masih dikandung badan, aku akan berbakti dan menjaga mereka sehinggalah aku atau mereka yang terlebih dahulu yang menemui Tuhan".

Mendengar jawapan itu, maka fahamlah Nabi Allah Musa A.S. kenapa Allah begitu memuliakan pemuda itu sehingga dia ditempatkan di Syurga dekat dengannya para Nabi, Rasul, Aulia dan para Siddiqin serta para Syuhada.

Lihatlah dengan pandangan mata hati, walaupun kedua ibu bapanya telah ditukarkan Allah SWT sebagai binatang yang keji, tidak sama sekali menghalangnya memikul tugas dan tanggungjawab sebagai anak untuk terus berbakti sehingga ke akhir hayat mereka berdua.

Bayangkan, adakah Ibu bapamu menjadi sekeji binatang itu? Kalaupun sikap mereka tidak

disenangi oleh kamu, inilah contoh teladan yang cukup menginsafkan diri, seburu-buruk atau sehina manapun tanggapan kamu terhadap mereka berdua, mereka tetap ibu dan ayahmu.

Muliakanlah mereka, kerana seseungguhnya Allah SWT pasti akan memuliakanmu. Pilihlah untuk merasai dan mengutamakan cinta ibu dan ayahmu, ia adalah nadi dan nafas hidupmu untuk memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Jangan Bersedih

"Orang-orang yang saling mencintai kerana keagunganKU (Allah), nescaya akan didatangkan mimbar-mimbar yang diperbuat daripada emas, dimana para Nabi dan para Syuhada" merasa senang terhadap mereka "

Hadis Riwayat Imam Tirmidzi

Allah SWT Berfirman:

"Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk ke Syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang terdahulu daripada kamu, mereka telah ditimpakan kesusahan (kemusnahan harta benda), dan

serangan penyakit serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya : Bilakah datangnya pertolongan Allah ? Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu sangat dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh dengan agama Allah) " (Surah Al-Baqarah Ayat 214)

Dari sisi alam seluruhnya, diterbitkan oleh Allah SWT dengan kekuasan dan kehendakNYA, tanpa ada paksaan sesiapa, berdiriNYA teguh tanpa ada yang mendokongnya, maka diciptakan susur galur kehidupanmu insan sebegitu kerana pengabadian kehidupan bukanlah disini, tetapi disana, masih kamu perlu teruskan perjalanan sehingga saat kematian menemui kamu untuk dibawa ke alam berbeza sama sekali dengan alam dunia fana.

Maka, pertanyaan bagaimana yang perlu dijawab apabila kamu terus mengeluh dan merasai beratnya penderitaan saat kamu diuji, kalau bukan sebenarnya hidup ini memang suatu ujian. Samada kamu dipilih untuk merasa kesenangan mahupun kepayahan, kedua-duanya ujian.

Justeru, jangan kamu sesekali terlepas pandang untuk mengintai kisah pengabadian insan agung, bagaimana saat rasa ketika mereka sedang diuji. Ikuti kisah yang telah ku hadamkan terlebih dahulu sebagai cerminan saat aku menerima ujianNYA buat tatapan fikiran dan renungan hatimu.

Dikisahkan bahawasanya Nabi Ayyub A.S. adalah seorang lelaki yang berasal daripada Negeri Rom. Maka Allah SWT melalui perbendaharaan khazanahNYA telah memilih Nabi Ayyub A.S. sebagai kekasihNYA dan menerima wahyu daripadaNYA.

Hiduplah baginda dengan ujian kekayaan , harta yang berlimpahan, keturunan yang sangat ramai, dunianya dilapangkan dan dipermudahkan baginya rezeki yang mencurah-curah.

Baginda memiliki kebun yang luas di Negeri Syam (Syria), samada kebun yang terletak di kawasan tanah tinggi ataupun di kawasan tanah pamahnya.

Selain baginda dikenali dengan sumber kekayaannya, baginda juga amat terkenal dengan ketaqwaannya, dermawan terhadap orang-orang yang memerlukan terutama fakir dan miskin sehingga baginda tidak pernah lupa untuk menyediakan makanan untuk mereka.

Kekayaan yang dimiliki tidak meletakkan baginda sebagai manusia yang sombong dan bongkak.

Baginda sangat memuliakan para anak yatim, ibu tunggal, para tetamu dan pendek kata segala hak Allah yang mana menjadi kewajipannya ditunaikan tanpa ada rasa berat.

Sungguh hebat Nabi Ayyub A.S. Melihat keadaan itu, kesan daripada Tawadhu"nya baginda terhadap segala nikmat Allah SWT yang dianugerahkan keatasnya, maka Iblis Laknatullah merasa cemburu dan ingin menguji baginda.

Dalam riwayat lain diceritakan, Iblis meminta izin kepada Allah SWT untuk menguji Nabi Ayyub A.S. bukan atas tujuan untuk menambahkan keimanan baginda, tetapi Iblis berhasrat untuk memalingkan baginda daripada menjadi hamba yang bersyukur.

Ketika permintaan Iblis diperkenankan Allah SWT, lalu Iblis mengumpulkan seluruh kekuatan pasukkannya yang terdiri daripada Jin Ifrit untuk

memperdaya dan menguasai baginda. Dengan sombongnya Iblis berkata, " Aku telah menguasai harta kekayaan Ayyub dan keluarganya, lalu apa yang dapat kamu lakukan?"

Kemudian salah satu daripadanya (Jin Ifrit) berkata, " Aku akan mendatangkan angin taufan yang mengandungi api , dan tidak ada perbuatan lain yang akan aku lakukan selain membakarnya". Iblis berkata, " kamu mesti melakukannya!".

Kemudian Jin Ifrit yang ditugaskan untuk itu, menghampiri unta milik nabi Ayyub, lalu membakarnya dan membakar tempat pengembalaannya. Lalu Iblis menyeruapakan dirinya menjadi bendahara yang sangat dipercayai oleh baginda dimana ketika itu Nabi Ayyub sedang mengerjakan Solat.

Iblis berkata: "Wahai Ayyub, api telah membakar untamu, sementara aku tidak berada disana, lalu aku datang mengkhabarkannya kepadamu.

Nabi Ayyub menjawab, " Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikannya dan mengambilnya semula, dan Tuhan yang telah mengeluarkanmu daripada musibah itu seperti mengeluarkan rumputrumput semak dari gandum.

Sehingga seandainya Allah mengetahui bahawa pada dirimu itu ada kebaikkan, nescaya Allah akan melenyapkanmu bersama unta-unta yang terbakar itu.."

Musibah yang menimpa baginda, semakin hari mengikis hartanya satu demi satu, dan setiap kali hartanya musnah, baginda tidak pernah melupakan untuk mengucapkan pujian dan sanjungan kepada Allah.

Baginda rela menerima ujian dan musibah yang telah ditentukan keatas baginda. Musibah itu beralih pula kepada keluarga dan anak-anaknya tidak terkecuali anaknya yang masih kecil.

Acapkali musibah datang menimpa baginda, lalu Iblis selalu datang menemuinya dalam penyerupaan Bendaharanya dan memberitahunya musibah yang menimpa baginda.

Mendengar musibah yang telah tertimpa keatas anaknya, sebagai manusia yang ada padanya perasaan, ianya cukup memberi kesan.

Hati ayah mana yang tidak remuk melihat anakanda kesayangannya dirudung kecelakaan. Hatinya sempat merasakan kesedihan sehingga baginda sempat merintih " Ingin sekali rasanya ibuku tidak melahirkanku".

Akan tetapi akhirnya Nabi Ayyub menyedarinya dan kembali memperbetulkan ucapannya semula iaitu pujian dan sanjungan kepada Allah. Maha suci Allah, ketika menulis kisah baginda, air mata ini mula menerbit di kelopak mataku.

Ku teruskan kisah hamba yang sangat luarbiasa ketaataannya. Taubat Nabi Ayyub kepada Allah mampu mengalahkan segala pujukkan dan bisikkan Syaitan termasuk Iblis yang terlaknat.

Ketika mana baginda melabuhkan dahinya ke lantai, sujud kepada Allah SWT, lalu makhluk yang tidak pernah kenal berputus asa dan terlaknat, meniupkan ke tubuh baginda sehingga tubuhnya merasa gatal-gatal, dan muncul bisul, kudis serta bisul seperti yang ada pada binatang.

Baginda merasa sangat gatal sehingga memaksa baginda untuk menggaru dengan kukunya, dan

mengakibatkan kulitnya menggelupas kerana rasa gatal yang amat sangat.

Bahkan, seandainya baginda sudah tidak tahan lagi,kadangkala baginda menggarunya dengan lempeng tanah keras dan batu, sehingga dagingnya terkeluar daripada isinya.

Ngeri bukan, begitulah penderitaan yang ditanggung oleh Nabi Allah ini. Penderitaan baginda tidak terhenti disitu sahaja, lama kelamaan, tubuh baginda tinggal urat , urat saraf dan tulang yang hanya membungkus dengan kulit.

Namun, walaupun menyaksikan keadaan begitu, kedua matanya masih teguh berfungsi normal, masih dapat melihat keesaan dan keagungan Allah SWT disebalik ujian dan mehnah dunia yang menimpanya.

Hanya saja penyakitnya itu tidak menyerang usus perutnya, dimana seseorang itu tidaklah mampu hidup bernafas lagi apabila kehilangan usus perutnya. Bibirnya yang lemah itu tidak henti kumat kamit melafazkan syukur kepada Allah. Bagaimanakah kamu kalau diuji sebegitu?

Maha dahsyat aturan Allah kepada kekasihNYA ini. Sedang kekasihNYA diuji begitu, maka janganlah berduka apabila kamu juga turut menerima tempias ujianNYA.

Ibnu Abbas menceritakan kisah Nabi Ayyub, dimana beliau berkata, bahawa Nabi Ayyub dilemparkan ke dalam tempat yang kotor penuh debu. Pada suatu hari isterinya berkata, "Wahai Ayyub, aku sudah tidak mampu lagi berusaha dan menutupi kekurangan, sehingga aku telah menjual jambul rambutku untuk ditukarkan dengan sepotong roti untuk makananmu.

Oleh kerana itu, berdoalah kepada Tuhanmu agar engkau segera disembuhkan". Lalu Nabi Ayyub menjawab, " Wahai Isteriku, kita telah merasakan kehidupan yang penuh nikmat selama tujuh tahun, bersabarlah kamu sehingga aku merasakan kesusahan selama tujuh tahun".

Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa Nabi Ayyub berada di dalam penderitaan sedemikian selama tujuh tahun lamanya.

Dalam riwayat lain pula dikisahkan, ditanya kenapa Nabi Ayyub tidak mahu meminta doa kepada Allah, dijawab olehnya bahawa dia sangat malu kepada Allah kerana baginya selama ini dia telah lama menikmati kemewahan dunia tanpa pernah Allah meminta balasan daripadanya.

Pernah suatu ketika Syaitan berdiri dihujung jalan menantikan isteri baginda yang biasa melalui jalan tersebut.

Sambil menyamar dengan memegang beg, kononnya ahli perubatan dia telah mencuri tumpuan isteri Nabi Ayyub lalu mendatanginya.

Maka berlakulah perbualan antara Syaitan yang menyamar sebagai Tabib dengan bersyarat, jika dia berjaya menyembuhkan suaminya Nabi Ayyub, hanya satu perkataan yang perlu dilafazkan oleh suaminya hanya " Kamu telah menyembuhkanku".

Apabila dibawa pulang tabib berkenaan, isterinya ditempelak dan dimarahi oleh Nabi Ayyub dengan menjelaskan bahawa tabib yang dijumpai oleh isterinya itu adalah Syaitan yang menyamar.

Oleh kerana Nabi Ayyub tahu, bahawa isterinya sebenarnya hampir berputus asa dan mudah terpedaya dengan pujukkan Syaitan, maka dia berikrar akan memukulnya sebanyak 100 kali.

Dalam riwayat berikutnya, dinyatakan selepas itu Nabi Ayyub berkata kepada isterinya, " pergilah kamu dari sisiku, aku tidak memerlukanmu lagi". Kemudian isterinya pergi meninggalkan dia sendiri.

Tinggallah Nabi Ayyub keseorangan menanggung keperitan hidup yang belum pernah ada sesiapa yang diuji sedemikian rupa. Harta yang dimiliki hilang sekelip mata, anak-anak meninggalkan dia, segala kedudukan dan kemuliaan di mata manusia hilang dan kini, dia ditinggalkan pula isterinya. Teguhnya luarbiasa.

Akhirnya, Nabi Ayyub berdoa kepada Allah, "Wahai Tuhanku, sembuhkanlah aku dari penyakit ini, kerana sesungguhnya engkau maha pengasih lagi masa penyanyang." Datanglah Jibril A.S. atas arahan Tuhannya, bertemu dengan Nabi Ayyub dan menuntun tangannya lalu berkata kepadanya,

" Bangunlah, dan berjalanlah diatas kakimu, dan seketika pula, Nabi Ayyub dapat berjalan dan air matanya pun keluar sebagai cetusan rasa gembiranya.

Berkata lagi Jibril A.S. kepadanya, "minumlah", lalu baginda pun meminumnya. Setelah itu Jibril memakaikan kembali pakaian yang dibawanya dari Syurga. Dengan serta merta keadaan Nabi Ayyub berubah menjadi sangat kacak dan berbau semerbak harum.

Lantaran cinta yang mendalam isteri kepada suaminya Ayyub, ingatan kepada suaminya itu tidak pernah padam dan dia sangat bimbang tentang keadaan suaminya itu. Selalu isterinya bermonolog sendirian " siapalah yang akan memberinya makan?" sehingga walaupun aku telah diusirnya, aku mesti tetap menemuinya.

Maka, pergilah sang isterinya ke tempat terakhir dia meninggalkan suaminya, namun tidaklah ditemui Nabi Ayyub. Isterinya menjadi hairan dan bingung, kemanakah perginya suaminya itu.

Dalam suatu perjalanan, beliau bertemu dengan seseorang, orang itu adalah Nabi Ayyub yang telah bertukar wajah kerana disembuhkan Allah daripada penyakitnya, namun isterinya tidak mengenalinya.

Isterinya mengambil keputusan untuk bertanya kepada orang yang ditemui di jalan itu, tanpa menyangka bahawa orang itu adalah suaminya. "Wahai hamba Allah, apakah engkau melihat seseorang yang sedang sakit yang dibuang ke tempat sampah?"

Lalu Nabi Ayyub bertanya pula kepadanya, "Apa yang kamu khuatirkan kepadanya?" Dijawab isterinya "Kamu benar, tetapi aku merasa takut

dan khuatir bahawa dia dimakan anjing atau binatang buas".

Mendengar jawapan itu, maka baginda tidak mampu menahan kesedihan lalu terhamburlah tangisan baginda, dan bertanya adakah kamu menganggapnya sama sepertiku?

Sungguh isterinya tidak mengenalinya walaupun isterinya melihat dia ada mirip Nabi Ayyub sewaktu dia sihat, tetapi dia tidak berani menyatakan begitu sehinggalah Nabi Ayyub membuat pengakuan sebenar bahawa memang dia adalah Nabi Ayyub.

Begitu lama sekali penderitaan yang ditanggung oleh Nabi Allah Ayyub A.S. tidak lain hanyalah menyatakan kesyukuran baginda terhadap segala nikmat yang dikurniakan Allah kepadanya. Baginda amat malu untuk meminta-minta kepada

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Allah walaupun jarak dia dengan Allah sangatlah

dekat.

Allah SWT menyintainya dan dia menyintai Allah

sedalam dalam jiwanya. Ujian apapun yang

datang, dia mampu berjalan diatasnya tanpa

merasa sakit, kerana ketundukkan rasa hamba

melebihi rasa berduka atas kekurangan yang

Allah kirimkan.

Maka cinta, rasa hamba, dan syukur yang

digabungkan menjadi satu mercu pengabadian

agung yang tidak mampu diterjemahkan dengan

logika akal dan adat kehidupan.

Sesungguhnya sakit itu menterjemah derita,

bahagia itu menterjemah ketenangan, apapun

keduanya adalah dari satu lubuk yang sama iaitu

hati.

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

Bagaimana hati itu mentafsir bahagia dan derita, ada manusia melihat kamu derita, walhal kamu bahagia, ada manusia melihat kamu bahagia sedangkan tersangatlah deritanya kamu.

Pentafsiran hati adalah, dimana nilai yang kamu letakkan. Jika kamu melihat ujian Allah sebagai bebanan, maka kamu akan merasai betapa beratnya kakimu yang melangkah, tetapi jika sebaliknya, kamu akan merasai apapun bagasi ujian yang diletakkan atas pundak kamu, kamu boleh menggalasnya dengan senyuman, tanpa ada terasa tersiksa.

Syurga Cinta

"Cahaya diufuk Senja yang kamu lihat berulangulang dengan suram kesedihan itu, akan menjadi cahaya terang bahagiamu di Syurga "

Kedukaan kerana meninggalkan apa yang disukai oleh nafsumu adalah sesuatu yang sukar. Tentunya banyak sekali pagar berduri, yang perlu kamu rempuhi sehingga meninggalkan kesan-kesan luka yang sangat dalam.

Tahu atau tidak, semuanya itu tidak akan dipersia-siakan Allah untukmu, kerana betapa dia maha tahu laluan sukar yang kamu lalui demi memperjuangkan kehendak dan suruhanNYA didunia.

" Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhannya dihantar ke dalam Syurga secara berombongan. Sehingga apabila mereka sampai kepadanya (Syurga) dan pintu-pintunya telah dibukakan, penjaga-penjaga berkata kepada mereka,"

Kesejahteraan dilimpahkan keatasmu, berbahagialah kamu,maka masuklah, kamu kekal didalamnya". Dan mereka berkata, "Segala puji bagi Allah yang telah memenuhi janji-NYA kepada kami dan telah memberikan tempat ini kepada kami sedang kami (diperkenankan) menempati Syurga di mana sahaja yang kami kehendaki," Maka (Syurga itulah) sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal"

(Surah Az-Zumar Ayat 39)

Allah menuturkan firmanNYA:

"Mereka berehat didalam syurga dengan bertelingkah di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak di situ adanya Matahari (usahkan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlalu sejuknya." (Al-Insan: 13)

Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah bersabda: "Bahawa dinding-dinding syurga itu batu-bata dari perak dan emas. Tanahnya pohon kimkuma (Za'faran) dan buminya kasturi." (Hadis riwayat Al-Bazzar).

Buku Kiamat : Penamat Peradaban Manusia" menjelaskan dalam sebuah hadis lain diceritakan bahawa Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Tanah Syurga itu licin putih, kasturi murni." (Hadis riwayat Muslim).

Harumnya bau syurga ini dapat dicium dari jarak perjalanan 100 tahun. SungaiSungai di Syurga Sungai-sungai syurga pula memancar dari bawahbawah bukit. Di dalam al-Quran, Allah banyak menyebut tentang macam-macam sungai di syurga ini.

Ulama" secara bersepakat mengatakan bahawa Syurga itu terletak di atas dari langit yang Ketujuh dengan merujuk kepada Surah An-Najm ayat 13-15 Allah berfirman:

"Sesungguhnya ia (Muhammad) telah melihat Jibril sekali lagi, iaitu di Sidratul Muntaha, dan di dekatnya ada syurga tempat kembali."

Ketika Rasulullah dalam perjalanan Mikraj, Baginda telah berhenti di Sidratul Muntaha.

Menurut baginda, Sidratul Muntaha itu berada jauh di luar alam langit (di luar ruang angkasa).

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Di situlah Baginda melihat terletaknya kedudukan

Syurga.

Kemudian dikatakan syurga itu luasnya seluas

langit dan bumi sebagaimana difirmankan Allah

dalam surah Ali Imran ayat 133: "Kejarlah oleh

kamu ampunan Tuhan kamu dan Syurga yang

luasnya seluas langit dan bumi disediakan bagi

orang-orang yang bertakwa.

"Di syurga juga udaranya nyaman tidak panas

membakar dan tidak pula sejuk mengigit.

Allah menitipkan penjelasanNYA:

"Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-

orang yang bertakwa (ialah seperti berikut): Ada

padanya beberapa sungai dari air yang tidak

berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai

dari susu yang tidak berubah rasanya, serta

beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifayyadh.com

orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih.

Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredhaan yang tinggal kekal di dalam syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dan air yang menggeledak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur?" (sudah tentu tidak sama!).

(Surah Muhammad Ayat 15)

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa sungaisungai di Syurga bukanlah mengandungi air-air biasa seperti di dunia ini, sebaliknya ada sungai yang berair susu, ada yang berair anggur (Arak) yang tidak memabukkan, ada yang dari Madu dan sebagainya.

Sungai-sungai ini semuanya mengalir dengan tenang melalui rumah-rumah di syurga, di kebun-

kebun dan di celah-celah pokok. Bahkan terdapat juga mata-mata air yang mengalir.

Air yang diminum pasti tidak akan menjadikan kamu haus selama-lamanya. Minum dan makannya kamu bukan kerana rasa haus, tetapi hanya keinginan yang mekar di hati. Maka Allah telah menjanjikan bagi orang yang bertakwa itu sungai yang airnya mempunyai ciri-ciri sebagai berikut:

Airnya tidak berubah rasa dan baunya, air susu yang tidak berubah rasa dan warnanya . Air Anggur (Arak) yang lazat dan tidak memabukkan bagi peminumnya. Madu yang disaring sewaktu Israk dan Mikraj, Rasulullah S.A.W. pernah melihat sungai yang dinamakan Al-Kausar.

Sungai ini dilingkari oleh bukit-bukit yang terdiri dari permata-permata dan tanahnya dari wangian yang paling wangi.

Tepian sungai ini terdiri dari emas sedangkan anak-anak batunya dari mutiara. Barangsiapa meminum air dari Al-Kausar ini walau hanya satu kali sahaja, dia tidak merasa haus untuk selamalamanya. Tentang nama-nama sungai di syurga, tidak ada disebut dengan jelas di dalam al-Quran.

Dalam sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim, Nabi bersabda: "Bahawasanya di syurga terdapat suatu sungai yang disebut sungai rajab, airnya lebih putih daripada air susu dan rasanya lebih manis daripada madu. Sesiapa yang puasa satu hari dari bulan Rajab, maka Allah memberikan minuman dari sungai itu."

Yang jelas sungai yang bersama Rajab dengan sifat-sifatnya yang luar biasa ini belum pernah dilihat dan dirasakan airnya oleh manusia di dunia ini. Walau bagaimanapun di dalam keterangan-keterangan lain disebutkan bahawa di

syurga ada sungai-sungai seperti Al-Kausar dan Al-Firdaus.

Tentang Al-Kausar, Anas r.a. ada bercerita bahawa Rasulullah s.a.w. tidur di atas tikar jerami, tibatiba sambil mengangkat kepalanya Baginda tersenyum. Anas bertanya: "Mengapa engkau tertawa ya Rasulullah?" Baginda menjawab: "Ayat yang diturunkan kepadaku tadi (yang bermaksud):

"Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu nikmat yang banyak (Al-Kausar), maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu; dan berkorbanlah. Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus." (Al-Kausar: 1-2-3).

Kemudian Baginda bertanya: "Adakah engkau tahu apa itu Al-Kausar?" Anas menjawab: "Allah dan RasulNya yang lebih tahu." Lalu Rasul

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

menerangkan: "Al-Kausar itu satu sungai yang

dijanjikan kepadaku oleh Allah, pada sungai itu

banyak kebajikan.

Di atasnya sebuah kolam (Al-Haudi) yang akan

datang umatku kepadanya. Bejananya banyak

sebanyak bintang-bintang di langit." (Riwayat

Muslim).

Seterusnya Imam At-Tarmizi meriwayatkan, Nabi

bersabda:

"Bahawa masing-masing Nabi itu mempunyai

kolam. Mereka ini bangga membanggakan

manakah yang lebih banyak orang datang. Dan

aku mengharap, bahawa adalah aku yang

terbanyak orang datang."

Anugerah Cinta

" Hidup itu sangat sakit, tetapi sakitnya adalah penyambung kelazatan, seperti seorang anak kecil terpaksa terjatuh bahkan berulang-ulang kali hanysanya untuk menikmati nikmatnya untuk mampu untuk berjalan kaki.."

Benar sama sekali, apapun yang kamu rintangi dalam segenap nafas kehidupanmu, ia sebenarnya lukisan anugerah Tuhan buatmu.

Susah atau mudah laluan yang kamu jejaki, ianya adalah pengalaman berharga yang tidak mungkin sesekali kamu lupakan sesaat pun apabila kakimu melangkah ke negeri Abadi Akhirat apatah lagi tika berada di Syurga.

Belajarlah untuk lebih menghargai hidupmu kerana tiada lainnya, hidupmu cuma sekali. Mana yang lebih mudah, membuat nilai wang anda dua kali ganda banyaknya, atau dua kali lebih menghargai pada apa yang sudah anda miliki? Sekadar ku titipkan bingkisan di bawah ini supaya membantu kamu untuk jauh lebih menghargai hidup.

Sungguh, bahawa kehidupanmu tidak lama, bukan selamanya. Ingatlah bahawa waktu kamu di dunia adalah terbatas, dan itu terserah kepadamu untuk memutuskan bagaimana kamu akan menggunakannya dan menikmati sepenuhnya.

Ketika seseorang bertahan dari pengalaman mendekati kematian, mereka selalu memutuskan untuk menjalani hidup sepenuhnya setelah saat itu. Tapi apakah kamu harus menunggu pengalaman mendekati kematian terlebih dahulu?

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Semoga kamu memaknai apakah maksud yang

tersirat dan tersurat dalam Makalah Simbiosis

Cinta ini, kerana ianya hadir disaat mahu

merawat hatimu yang barangkali terluka dengan

cinta.

Cinta itu membahagiakan jika kena pada keadaan

dan situasinya, boleh jadi kamulah manusia yang

paling bahagia di dunia, atau barangkali kamulah

yang akan menjadi manusia paling derita didunia.

Salam CINTA dariku untukmu.

Jangan lupa untuk dapatkan Nukilan terbaruku

Ogos 2017 ini.

Semusim Di Mahsyar.

Apa sinopsisnya?

Hakcipta terpelihara Milik Hadi Fayyadh Production 2017

www.hadifavvadh.com

SINOPSIS SEMUSIM DI MAHSYAR

Kisah seorang anak gadis yang pernah di matikan Allah seketika, "Mati Suri". Dia dikebumikan selama 5 hari berturut-turut dengan satu jasad misteri.

.

Kematiannya berpunca dari kegagalan proses pembedahan jantung berlubang yang dihidapinya. Doktor mengesahkan kematiannya, lalu jenazahnya melalui dikebumikan seperti biasa.

Naluri kuat hati seorang ayah, dititipkan Allah melalui mimpi aneh. Anak gadisnya dilihat berjalan pulang kerumah dengan balutan kain kapan yang dipenuhi darah, nanah dan tanah.

Hanya satu perkataan yang disebutnya' " Ayah, iqlima tak mati lagi... selamatkan saya ayah".

Dengan raut wajah yang sangat mengerikan dia

Menggapai keajaiban intuisi rasa

mengulang ayat yang sama sehingga Ayahnya mulai gusar tentang mimpinya.

Dengan kudrat sebagai lelaki yang lumpuh seluruh badan, dia mengesot berjalan beberapa kilometer namun, apa yang terjadi kepada Ayahnya?

Mampukah mesej anaknya disampaikan? Benarkah anaknya masih hidup? Bagaimana anak gadis iqlima ini diselamatkan?

Apa pula pengalaman yang dilaluinya selama 5 hari ditanam di dalam Kubur? Siapa pula mayat yang ditanam bersama-sama dengannya?

Apa latarbelakang peribadi gadis misteri Iqlima ini sehingga dia digelar "anak haram" oleh masyarakat sekelilingnya?

SIMBIOSIS CINTA

Menggapai keajaiban intuisi rasa

Setiap pembelian anda, anda akan memperoleh e book percuma, WARKAH BUAT BIDADARI. Sementara STOK MASIH ADA, TANDATANGAN PENULIS dan Bookmark Percuma.

Sila Hubungi Agen Kami yang Sah Sahaja atau ADMIN: 016 308 8640 untuk PRE ORDER.

Layari Instagram Penulis : hadi_fayyadh untuk mendapatkan banyak lagi maklumat terbitan Novel beliau yang terbaharu.

